

"DAN ingatlah tatkala Kami wahyukan kepadamu wahai Muhammad, bahawa sesungguhnya Tuhan meliputi akan manusia dengan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya dan tiadalah Kami menjadikan pandangan pada malam Mikraj yang telah Kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia dan demikian juga Kami jadikan pokok yang dilaknat di dalam Al-Quran dan Kami beri mereka takut dengan berbagai-bagai amaran, maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau-lampau".  
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Israa', ayat 60.

## BERANGKAT KE MAJLIS SEMBAHYANG SUNAT HAJAT, BACAAN SURAH YAA SIIN, DOA KHAS

Oleh : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 15 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang akan menjalani rawatan kesihatan yang telah dirancang awal pada hari Ahad, 18 Januari 2026 Masihi bersamaan 28 Rejab 1447 Hijrah.

Majlis berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

>> Muka 3



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

## Kekuatan teknologi, sumber tenaga manusia penting untuk hadapi ancaman siber

Oleh : Haniza Abdul Latif

**TANAH JAMBU**, Khamis, 15 Januari. - Peperangan moden bukan sahaja tertumpu kepada darat, laut dan udara semata-mata, bahkan turut merentasi domain angkasa, siber dan maklumat.

Ancaman seperti serangan siber, pencerobohan rangkaian serta penyebaran maklumat palsu dan ditambah lagi dengan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence), mampu menggugat keselamatan negara.

Oleh itu, sinergi kekuatan sumber tenaga

manusia dan teknologi tetap menjadi keutamaan dalam menghadapi ancaman ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, bersabda demikian semasa Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-24, Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB), yang berlangsung di Padang Kawad

AP ABDB, di sini.

"Sehubungan dengannya, pada hemat saya, Dasar Pertahanan Siber Kementerian Pertahanan perlu sentiasa diperkukuhkan melalui kerjasama erat dengan agensi-agensi keselamatan negara dalam mencegah, mengesan, dan menangkis sebarang bentuk ancaman siber, dari dalam mahupun luar negara, melalui pendekatan Whole of Government," sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

>> Muka 4



## Berita Utama



SESI Muzakarah ketengahkan pandangan, cadangan meningkatkan kualiti pendidikan

Muka 9



PEMBIAYAAN sukuk berperanan penting menggerakkan modal serantau, domestik

Muka 10



402 pelajar baharu PB ikuti Minggu Orientasi

Muka 24



RENCANA

SEMAHYANG teras modal insan cemerlang

Muka 28

## Kepimpinan berwibawa menerajui kecemerlangan PPDB

Oleh : Khartini Hamir

**GADONG**, Khamis, 15 Januari. - Dalam menghadapi landskap keselamatan yang semakin kompleks dan mencabar di zaman ini, kepimpinan dalam institusi keselamatan negara bukan sekadar mengurus operasi semasa, tetapi menuntut keupayaan untuk memimpin melalui teladan, integriti dan kebijaksanaan.

Kepimpinan yang berwibawa dengan ketelusan dalam tindakan, berupaya menerajui usaha-usaha pembaikan demi kecemerlangan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Perkara itu ditegaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid ketika berucap pada Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Polis Ke-105 Tahun 2026 bertempat di

Padang Kawad Besar Pusat Latihan Polis, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong, pagi tadi.

Dalam konteks tersebut jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga pernah bertitah sempena Upacara Istiadat Penyempurnaan Bendera Panji-Panji Peribadi baginda pada 18 Januari 2025.

"Antara lain kandungan titah baginda, bahawa Penganugerahan Panji-Panji Peribadi itu mempunyai signifikannya tersendiri; ia bukan sekadar lambang atau hiasan semata-mata, tetapi membawa makna yang amat mendalam yang mencerminkan betapa tinggi amanah dan kepercayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

terhadap PPDB," jelas Yang Berhormat lagi.

Titah tersebut tambahnya, jelas menggambarkan keyakinan baginda akan amanah yang dipikul oleh kepimpinan PPDB, dengan berpegang kepada sifat amanah dalam setiap tindakan menjadi teras untuk membentuk budaya profesional yang melahirkan anggota yang beretika, berdisiplin dan cemerlang.

Di sepanjang sejarah yang melebihi satu abad ini terangnya, PPDB juga telah mencapai pelbagai kemajuan dan kejayaan terutama dalam Pembangunan Insan.

"Ini selaras dengan Wawasan Brunei 2035, kepimpinan dalam PPDB juga telah melalui strategi pembangunan seperti melahirkan anggota yang berilmu, berkemahiran tinggi dengan peredaran zaman dan cabaran masa kini," ujarnya.

>> Muka 8



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad berucap semasa Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-49 pada Isnin, 12 Januari 2026 yang berlangsung di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.**

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :  
Awang Muhammad Aiman Najib Hamzah

Bismillahir Rahmanir Rahim,  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen  
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammadin,  
Wa'alaa Aalihee Wasahbiee Ajma'een.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan selamat pagi semua.

# Peluang peserta untuk bertukar budaya, persepsi sosial

**S**AYA amat berbesar hati untuk berada di sini pada hari ini sempena Majlis Penyerahan Bendera, yang menandakan satu pencapaian penting bagi para wakil muda negara kita yang bakal menyertai edisi Ke-49 Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP).

Sejak penubuhannya pada tahun 1974, SSEAYP telah menjadi sebuah inisiatif pertukaran belia unggul yang menghimpunkan pemimpin muda dari Asia Tenggara dan Jepun. Negara Brunei Darussalam (NBD) telah terlibat secara aktif dalam program berprestij ini sejak tahun 1985 dan sepanjang tempoh tersebut para belia kita telah memperoleh pelbagai manfaat melalui platform ini.

Kepada delegasi, pemilihan awda untuk mewakili NBD bukan sahaja merupakan satu pencapaian peribadi, malah satu amanah negara. Awda telah dipilih berdasarkan potensi kepimpinan, sahsiah serta komitmen awda untuk menyumbang secara bermakna di peringkat kebangsaan dan serantau. Seiring dengan penerimaan bendera negara pada hari ini, awda memikul tanggungjawab untuk membawa bersama nilai-nilai murni, budaya serta identiti negara tercinta ke mana jua awda berada.

Sepanjang pelaksanaan program ini, awda akan terlibat dalam perbincangan

mengenai isu-isu serantau dan global, menyertai aktiviti pertukaran kebudayaan, penglibatan kemasyarakatan serta sesi pembangunan kepimpinan. Sehubungan itu saya amat menggalakkan awda untuk merebut setiap peluang yang ada, bagi menimba ilmu daripada pihak lain, berkongsi pandangan serta membina persahabatan dan jaringan yang berkekalan bersama para belia dari Negara-negara Anggota ASEAN dan Jepun. Pengalaman-pengalaman ini akan meluaskan perspektif awda dan memperkukuhkan keupayaan awda untuk menyumbang secara berkesan kepada masyarakat sekembalinya awda ke tanah air.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kekal teguh dalam komitmennya untuk melahirkan golongan belia yang berdaya upaya, berdaya tahan serta berpandangan global. Penyertaan dalam program belia antarabangsa seperti SSEAYP adalah selaras dengan agenda pembangunan belia negara, khususnya dalam memperkukuhkan keupayaan kepimpinan, memupuk kecekapan antara budaya serta menyemai rasa tanggungjawab yang kukuh di peringkat serantau.

Sebagai duta NBD, saya menyeru agar awda sentiasa menjunjung tinggi tahap disiplin, integriti serta tatakelakuan yang

paling tinggi pada setiap masa. Biarlah setiap tindakan awda mencerminkan nilai-nilai hormat-menghormati, toleransi dan kerjasama yang menjadi teras jati diri negara. Berbanggalah untuk berkongsi budaya, pencapaian serta aspirasi NBD, di samping kekal terbuka untuk mempelajari kepelbagaian budaya dan perspektif yang bakal awda temui.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam persiapan dan penganjuran program ini, termasuk para pegawai yang berdedikasi, agensi-agensi rakan strategik, para alumni SSEAYP serta ibu bapa yang memberi sokongan tidak berbelah bahagi mereka amat penting dalam mempersiapkan para belia kita bagi perjalanan yang penuh bermakna ini.

Kepada ahli-ahli kontinjen SSEAYP Ke-49, saya mengucapkan setinggi-tinggi kejayaan. Semoga pengalaman ini menjadi sumber inspirasi kepada awda untuk muncul sebagai agen perubahan positif, yang bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan diri malah turut menyokong pembangunan berterusan negara serta pengukuhan kerjasama di peringkat serantau.

Wabillahit Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

| WAKTU SEMBAHYANG |        |           |       |       |        |      |       |      |         |       |
|------------------|--------|-----------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| JANUARI          | HARI   | REJAB     | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| MASIHI           | HIJRAH |           |       |       |        |      |       |      |         |       |
| 17               | SABTU  | 27        | 5.02  | 5.12  | 6.34   | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.26    | 7.40  |
| 18               | AHAD   | 28        | 5.02  | 5.12  | 6.34   | 6.58 | 12.32 | 3.53 | 6.27    | 7.40  |
| 19               | ISNIN  | 29        | 5.03  | 5.13  | 6.35   | 6.58 | 12.32 | 3.54 | 6.27    | 7.40  |
| 20               | SELASA | 1 SYAABAN | 5.03  | 5.13  | 6.35   | 6.58 | 12.32 | 3.54 | 6.27    | 7.41  |
| 21               | RABU   | 2         | 5.03  | 5.13  | 6.35   | 6.59 | 12.32 | 3.54 | 6.28    | 7.41  |
| 22               | KHAMIS | 3         | 5.04  | 5.14  | 6.35   | 6.59 | 12.33 | 3.54 | 6.28    | 7.41  |
| 23               | JUMAAT | 4         | 5.04  | 5.14  | 6.35   | 6.59 | 12.33 | 3.55 | 6.29    | 7.41  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI                  |                |                |  |
|---------------------------------------|----------------|----------------|--|
| SABTU                                 | AHAD           | ISNIN          |  |
| Bandar Seri Begawan<br>31<br>25<br>°C | 30<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C |  |
| Pekan Bangar<br>31<br>23<br>°C        | 30<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C |  |
| Pekan Tutong<br>31<br>25<br>°C        | 30<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C |  |
| Kuala Belait<br>31<br>25<br>°C        | 30<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C |  |

Wallahuallam Bisawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 17 JANUARI 2026

### Doa rakyat kekuatan negara

**M**ENDOAKAN raja bukan sekadar adat atau tradisi tetapi adalah satu ibadah dan tanggungjawab rakyat. Sejarah Islam sarat dengan contoh hubungan rakyat dan pemimpin yang diberkati kerana doa. Diceritakan bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz, seorang pemimpin Bani Umayyah yang sangat adil, sering berkata kepada rakyatnya : "Bantulah aku dengan doa kamu".

Lalu rakyat pada zamannya pun sentiasa mendoakannya supaya Allah Subhanahu Wata'ala memelihara khalifah. Maka hasilnya, pemerintahan Umar bin Abdul Aziz didapati sangat gemilang dan makmur sehingga sukar untuk mencari orang yang layak menerima zakat. Ini menunjukkan bahawa doa rakyat adalah merupakan kekuatan bagi sebuah pemerintahan. Apabila pemimpin didoakan, Allah Subhanahu Wata'ala akan membuka pintu rahmat-Nya untuk rakyat dan negara.

Doa rakyat kepada raja adalah tanda kesetiaan, kasih sayang dan tanggungjawab bersama. Pada saat raja kita yang dikasihi diuji dengan kesihatan dan akan menjalani rawatan yang telah dirancang awal di Jerudong Park Medical Centre pada hari Ahad, 28 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 18 Januari 2026 Masihi, maka munajat rakyat kepada Allah Subhanahu Wata'ala menjadi amat penting. Sesungguhnya kesembuhan itu adalah datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan setiap ujian pasti mengandungi hikmah.

Doa merupakan ibadah yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita para hamba-Nya. Dengan berdoa, secara tidak langsung kita telah menzahirkan penghambaan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menunjukkan betapa kita sentiasa berhajat kepada-Nya. Selain itu, sewaktu berdoa kita sebenarnya merendahkan diri kita sebagai hamba yang kerdil dan serba kekurangan di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pemurah lagi Maha Kaya.

Selaku rakyat, kita dituntut untuk sentiasa mendoakan kebaikan bagi raja yang kita kasihi. Ini kerana, mendoakan kebaikan untuk raja akan membuahkan manfaat dan maslahat yang besar untuk seluruh rakyat dan juga negara.

Oleh yang demikian, marilah kita selaku rakyat dan penduduk serta seluruh masyarakat di negara ini sama-sama menadahkan tangan, bermunajat kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk mendoakan agar prosedur rawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berjalan dengan lancar dan seterusnya kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kesembuhan yang segera, kesihatan yang sempurna dan keafiatan yang berpanjangan kepada baginda, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

– Ketua Penyuntingan (Ad)

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berangkat ke Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin, Doa Khas



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

## >> Muka 1

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd.

Amin Liew bin Abdullah; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah serta Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar diikuti dengan membaca Surah Yaa Siin dan seterusnya bacaan Doa Khas bagi mendoakan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keaifatan yang sempurna lagi berpanjangan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan kepimpinan baginda yang berwibawa dan bijaksana bagi keamanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat.

Azan Isyak dikumandangkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kiri).

Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta kerabat diraja berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Turut hadir ialah warga Perkhidmatan Awam, anggota pasukan beruniform, ahli jawatankuasa takmir dan jemaah masjid serta orang ramai.

Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas ini turut diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di tiga daerah yang lain iaitu bagi

Daerah Belait, di Masjid Mohammad Jamalul Alam, manakala bagi Daerah Tutong di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, dan Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Marilah kita menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keaifatan yang sempurna lagi berpanjangan.

Seterusnya kita semua mendoakan agar Negara Brunei Darussalam terhindar daripada bala bencana dan dikurniakan dengan kemakmuran dan kesejahteraan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan kerabat diraja semasa membaca Surah Yaa Siin (atas), manakala gambar kanan, Doa Khas dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar. Sementara gambar bawah dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.



# KEKUATAN TEKNOLOGI, SUMBER TENAGA MANUSIA PENTING UNTUK HADAPI ANCAMAN SIBER



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada majlis tersebut.

## >> Muka 1

Terdahulu itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersabda merakamkan setinggi tahniah dan syabas kepada Pegawai-pegawai Kadet di atas mutu persembahan perbarisan yang kemas dan penuh bersemangat sebentar tadi.

"Alhamdulillah, seramai 50 Pegawai Kadet akan ditauliahkan pada kali ini, termasuk penyertaan antarabangsa daripada Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Bersenjata Republik Singapura, dan buat julung kalinya, daripada Angkatan Tentera Diraja Thailand,"

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Peningkatan penyertaan dari angkatan tentera serantau ini, sabda DYT, mencerminkan pengiktirafan terhadap kualiti latihan yang disampaikan dan telah mengangkat kredibiliti Sekolah Pegawai Kadet di rantau ini.

Sabda DYT, dalam usia AP ABDB baharu mencapai 15 tahun, DYT amat bangga menyaksikan pencapaian yang telah diraih.

Dalam sabda DYT menjelaskan, antaranya ialah penganugerahan Ijazah Sarjana dalam Pengajian Pertahanan dan Sekuriti (Master of Defence and Security Studies) kepada peserta Kursus Maktab Turus ABDB Siri Ke-15 bagi Tahun 2025, yang buat pertama kalinya dianugerahkan melalui kerjasama AP ABDB dan Universiti Brunei Darussalam.

Pencapaian signifikan ini, sabda DYT, mencerminkan kemajuan pendidikan ketenteraan ABDB yang seiring dengan aspirasi negara untuk melahirkan rakyat berkemahiran dan berpendidikan tinggi sebagai salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035.

"Saya juga sukacita mengambil maklum mengenai perancangan AP bersama Universiti Brunei Darussalam untuk seterusnya memperkenalkan Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Pertahanan dan Sekuriti (Bachelor of Defence and Security Studies) sebagai pendidikan asas bagi semua pegawai muda ABDB," sabda DYT lagi.

Pelaksanaannya, sabda DYT, bermula

dari Sekolah Pegawai Kadet hingga ke semua kursus Perkembangan Pangkat Letenan dan Kapten, sehingga lulus Kursus Staf Pertengahan sebagai kursus kemuncak dalam mengutip mata modul akademik Ijazah Sarjana Muda.

Melalui konsep Pendidikan Sepanjang Perkhidmatan ini, DYT yakin Pegawai-pegawai ABDB akan dapat mempertingkatkan kebolehan dalam memberikan sumbangan yang lebih bermakna kepada pembangunan strategi, diplomasi pertahanan dan keselamatan serantau, selaras dengan hala tuju yang digariskan di dalam Kertas Putih Pertahanan 2021 dan Gagasan Angkatan 2035.

Seiring dengan usaha mempertingkatkan pembangunan profesionalisme, DYT juga difahamkan bahawa kemas kini Kertas Putih Pertahanan 2021 sedang giat dilaksanakan dan akan dilancarkan di Hari Ulang Tahun ABDB yang Ke-65 Tahun ini, insyaaAllah.

"Saya yakin pengemaskinian tersebut akan memperkukuhkan lagi keupayaan negara dalam menghadapi *new emerging security challenges* - cabaran keselamatan masa hadapan secara lebih strategik, fokus dan bersepadu.

"Namun pada hemat saya, selain memiliki pendidikan dan pengetahuan yang tinggi, ABDB hendaklah sentiasa peka terhadap perubahan landskap geopolitik dan ketenteraan masa kini yang semakin dinamik dan mencabar," sabda DYT lagi.

Dalam mengakhiri sabda, DYT sukacita merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada seluruh warga AP, khususnya kepada Komandan AP, Pegawai Pemerintah, pegawai-pegawai, Colour Sergeant, School Sergeant Major, jurulatih dan kakitangan Sekolah Pegawai Kadet di atas kegigihan dan ketabahan dalam melatih dan mendidik pegawai-pegawai kadet dan seterusnya menjayakan Upacara Sovereign's Parade pada pagi ini. Semua ini adalah pengorbanan yang sangat dihargai.

DYT juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tulus kepada para ibu bapa, penjaga serta ahli keluarga di atas suntikan semangat dan sokongan berterusan yang menjadi sumber kekuatan Pegawai-pegawai Kadet dalam menempuhi latihan yang mencabar ini hingga ke Perbarisan Sovereign's Parade pada pagi ini.

"Kepada semua penerima-penerima anugerah, saya ucapkan tahniah dan syabas atas kejayaan yang dicapai hasil usaha gigih, disiplin serta semangat yang tinggi. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi, telus dan semangat kepimpinan yang cemerlang.

"Dengan merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dengan berkat kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacita mengurniakan Tauliah Pegawai Tentera kepada 50 Pegawai Kadet, Pengambilan Ke-24," jelas DYT semasa mengakhiri sabda.

## Sovereign's Parade tauliahkan 50 Pegawai Kadet



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade. Mengiringi keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Letenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (kiri dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

TANAH JAMBU, Khamis, 15 Januari. - Upacara Sovereign's Parade hari ini menyaksikan

seramai 50 Pegawai Kadet yang terdiri daripada 36 pegawai lelaki dan 14 pegawai wanita, telah



ditauliahkan pada majlis yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan (AP), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), di sini.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 20 Pegawai Kadet

ditauliahkan ke Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), 16 Pegawai Kadet ke Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), dan 11 Pegawai Kadet ke Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Sementara itu, seramai tiga

Pegawai Kadet Antarabangsa yang masing-masing terdiri daripada seorang Pegawai Tentera Darat Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia; seorang Pegawai Tentera Laut Republik Singapura, Angkatan Bersenjata Republik Singapura; dan seorang Pegawai Tentera Udara Diraja Thailand yang merupakan penyertaan pertama kali dari Angkatan Tentera Diraja Thailand.

Berkenan berangkat bagi mengurniakan pentauliahkan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-24, Sekolah Pegawai Kadet ABDB.

Mengiringi keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Letenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

## >> Muka 5

SEKITAR majlis tersebut yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan (AP), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) (kiri dan kiri sekali).





#### >> Muka 4

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad

Haszaimi bin Bol Hassan.

Sejurus keberangkatan tiba, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa Pasukan Perbarisan yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-24, Sekolah Pegawai Kadet, ABDB di bawah perintah Pegawai Perbarisan, Kapten Zulhamizan bin Awang Jamil.

Semasa upacara berkenaan, DYTM berkenan mengurniakan



sabda, diikuti dengan pengurniaan anugerah kepada Pegawai-pegawai Kadet Terbaik bagi Pengambilan Ke-24 yang cemerlang.

Pengurniaan anugerah-anugerah didahului dengan Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) kepada Pegawai Kadet Nur Amanina binti Ismail.

Anugerah berkenaan merupakan penghormatan tertinggi yang dianugerah kepada

Pegawai Kadet dan melambangkan kecemerlangan dalam keseluruhan aspek latihan.

DYTM seterusnya mengurniakan Anugerah Terbaik Akademik kepada Pegawai Kadet Jayden Lim Jie En dari Republik Singapura atas pencapaian akademik keseluruhan yang cemerlang sepanjang tempoh latihan.

Diikuti dengan pengurniaan Anugerah Terbaik Kemahiran

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) kepada Pegawai Kadet Nur Amanina binti Ismail dan Anugerah Terbaik Akademik kepada Pegawai Kadet Jayden Lim Jie En dari Republik Singapura (kiri sekali dan kiri).

Tentera kepada Pegawai Kadet (U) Awangku Muhammad Haziq Dzulfadhly Mubarak bin Pengiran Haji Md. Amir Ilham atas kecemerlangan dalam semua aspek kemahiran ketenteraan, dan Anugerah Terbaik Ketahanan Jasmani kepada Pegawai Kadet Muhammad Sufi Shayiran bin Roslan, TLDB sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian luar biasa dalam latihan jasmani.

Sementara itu, Anugerah Terbaik Pegawai Kadet Antarabangsa dianugerahkan kepada Pegawai Kadet Rizq Dzakwan bin Sharifuddin dari Malaysia. Anugerah berkenaan mengiktiraf Pegawai Kadet Antarabangsa yang telah menunjukkan prestasi dan sumbangan luar biasa sepanjang menjalani latihan Kursus Pentauliah.

#### >> Muka 6



DYTM bersama DYTM Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen menadah tangan semasa doa dibacakan (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera kepada Pegawai Kadet (U) Awangku Muhammad Haziq Dzulfadhly Mubarak bin Pengiran Haji Md. Amir Ilham dan seterusnya berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Ketahanan Jasmani kepada Pegawai Kadet Muhammad Sufi Shayiran bin Roslan, TLDB (kiri sekali dan kiri).

PASUKAN Perbarisan yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-24, Sekolah Pegawai Kadet, ABDB di bawah perintah Pegawai Perbarisan, Kapten Zulhamizan bin Awang Jamil (bawah). Manakala gambar bawah kanan, sebahagian yang hadir menyaksikan majlis tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Pegawai Kadet Antarabangsa kepada Pegawai Kadet Rizq Dzakwan bin Sharifuddin dari Malaysia.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dijunjung sesi bergambar ramai.

#### >> Muka 5

Upacara diteruskan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah

Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Japar.

Dari padang kawad, DYTm dijunjung berangkat ke Dewan

Istiadat AP ABDB dan seterusnya berkenan menerima pesambah yang dinamakan 'Nash'at al-Qa'id', yang bermaksud 'Pembentukan Seorang

Pemimpin', dan buku 'Perjalanan' yang mendokumentasikan latihan ketenteraan intensif selama 48 minggu yang telah dilalui oleh

Pegawai - pegawai Kadet Pengambilan Ke-24, sejak 10 Februari 2025.

DYTm kemudian berkenan menerima junjung ziarah daripada Pegawai-pegawai Kadet yang baharu ditauliahkan bersama dengan keluarga masing-masing.

DYTm turut berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan sesi bergambar ramai sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Upacara Sovereign's Parade merupakan kemuncak 48 minggu latihan ketenteraan intensif Sekolah Pegawai Kadet, AP ABDB yang bertujuan untuk melengkapkan pegawai-pegawai yang baharu ditauliahkan dengan ilmu pengetahuan, disiplin, profesionalisme dan kemahiran kepimpinan sebagai asas perkhidmatan mereka pada masa hadapan.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah yang dinamakan 'Nash'at al-Qa'id', yang bermaksud 'Pembentukan Seorang Pemimpin', dan buku 'Perjalanan' (atas dan atas kanan).



DYTm berkenan menerima junjung ziarah daripada Pegawai-pegawai Kadet yang baru ditauliahkan bersama dengan keluarga masing-masing (kanan dan kanan sekali).



DYTm Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berbual mesra bersama para Pegawai Kadet pada majlis berkenaan (kiri sekali).

DYTm Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dijunjung untuk bergambar bersama Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan (kiri).

# RAKYAT, PENDUDUK MERAFAKKAN DOA KESEMBUHAN, KEAFIATAN KEBAWAH DYMM

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

**KIARONG**, Jumaat, 16 Januari. - Bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) tengah hari tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas sebelum menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

Majlis berkenaan diadakan disemua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa tumpuan utama mengikut daerah masing-masing.

Bagi masjid tumpuan di Daerah Brunei dan Muara, majlis diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, di sini.

Hadir, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di JPM dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Atur cara diisikan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Khutbah Khas bagi Sembahyang Fardu Jumaat yang dibacakan oleh Pemangku Pengarah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Awang Haji Ahmad Abdussalam dalam khutbahnya menjelaskan pada saat raja kita yang dikasihi diuji dengan kesihatan dan akan menjalani rawatan yang telah dirancang awal di Jerudong Park Medical Centre (JPMC) pada Ahad, 18 Januari 2026, maka munajat rakyat kepada Allah Subhanahu Wata'ala menjadi amat penting.

Jelasnya, kesembuhan berkenaan adalah datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala, dan setiap ujian pasti mengandungi hikmah.

"Diriwayatkan bahawa Khalifah Harun ar-Rasyid Khalifah Bani Abbasiyyah pernah jatuh sakit.

"Para ulama dan rakyat pada zamannya tidak berhenti mendoakan beliau," ujarnya.

Awang Haji Ahmad Abdussalam seterusnya menerangkan bahawa Imam Malik Rahimahullah pernah berpesan kepada masyarakat : "Perbanyakkanlah doa untuk pemimpin kamu, kerana kebaikan pemimpin adalah kebaikan untuk seluruh rakyat".

Dengan doa dan



**ANTARA** jemaah yang hadir menadah tangan semasa doa dibacakan.

kebergantungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, katanya lagi, pemimpin yang diuji akan diberi kekuatan, dan rakyat pula memperoleh keberkatan dan ketenangan.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan Sembahyang Fardu Jumaat yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Juga hadir, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai dan kakitangan dari kementerian-kementerian.

Masjid-masjid tumpuan lainnya termasuk Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Daerah Belait; Masjid Hassanil Bolkiah,

Pekan Tutong, Daerah Tutong; dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Marilah kita menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan.

Seterusnya, kita semua mendoakan agar Negara Brunei Darussalam terhindar daripada bala bencana dan dikurniakan dengan kemakmuran dan kesejahteraan.

## Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit anjur Sambutan Israk Mikraj



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat majlis. Juga hadir, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Penaung Takmir Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 16 Januari. - Majlis Sambutan Israk dan Mikraj dan Penyerahan Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir bagi Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (RIPAD), Mukim Kilanas telah diadakan selepas menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis berkenaan berlangsung hari ini di Dewan Sembahyang Utama Masjid Duli RIPAD, Mukim Kilanas bersempena Sambutan Israk dan Mikraj serta

penyerahan surat lantikan AJK Takmir Masjid bagi penggal 2025 hingga 2027.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin,

selaku Penaung Takmir Masjid Duli RIPAD, Mukim Kilanas.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Penghulu Mukim Kilanas, Ketua-ketua Kampung Mukim Kilanas, para tetamu khas serta para jemputan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pembantu Pegawai Masjid, Awang Ahmad Ghadafi bin Abdul Nasir, diikuti dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Pegawai Pelajaran, Awang

**Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit**



Ashizal bin Zainal Abidin.

Acara diteruskan dengan Ceramah Khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj yang disampaikan oleh Ketua Unit Pengurusan Strategik dan Jaminan Kualiti, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Mohammad Khairul Azhar bin Idris.

Majlis seterusnya menyaksikan penyampaian surat

lantikan kepada AJK takmir baharu, diikuti dengan Persembahan Tausyeh Belia daripada Kumpulan Syababul Mu'min, serta penyerahan cenderamata kepada tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan Dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Bilal Tingkat II, Awang Haji Md. Faqih bin Haji Muhd. Suni.

# RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BERAKAS**, Khamis, 15 Januari. - Negara Brunei Darussalam akan merayakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada Sabtu, 27 Rejab 1447H bersamaan 17 Januari 2025M, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas mulai jam 9.00 pagi.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kelancaran majlis berkenaan nanti, raptai penuh diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Plenary, ICC, di sini.

Hadir bagi memastikan latihan berjalan dengan lancar dan sempurna, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman

selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1447H.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Tema Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1447H ialah 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang'.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara tahun ini akan diisikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan Tadabbur, Persembahan Selawat, Persembahan Khas serta Ceramah Khas.



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah hadir bagi memastikan latihan berjalan dengan lancar dan sempurna.

## Kepimpinan berwibawa menerajui kecemerlangan PPDB

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Yang Berhormat juga mengingatkan wawasan tersebut turut menuntut kita untuk terus membentuk modal insan yang telus dan anggota pasukan yang berpendidikan dan berkualiti untuk terus bersiap sedia dalam menempuhi cabaran dalam profesionalisme demi mencapai

kejayaan wawasan yang sama-sama kita dambakan.

"Kawad perbarisan anggota PPDB yang kita saksikan, ia bukan sahaja satu tradisi pasukan yang membanggakan, hakikat yang lebih bermakna lagi iaitu mencerminkan kekuatan institusi yang dibina atas asas kepimpinan yang mantap dan berwibawa.

"Kita amat bersyukur Negara Brunei Darussalam (NBD) terus kekal aman dan sejahtera dengan index jenayah yang rendah jika dibandingkan dengan

negara-negara serantau dan antarabangsa. Inilah di antara pencapaian PPDB," jelasnya.

Yang Berhormat turut menganjurkan kita sebagai rakyat yang bernaung di bawah kepimpinan baginda untuk terus menzahirkan taat setia kita kepada baginda dan mendoakan kesihatan dan kesejahteraan raja yang kita kasihi sentiasa dalam rahmat Allah Subhanahu Wata'ala serta diberikan keafiatan yang kekal berpanjangan.

**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan semasa berucap pada majlis berkenaan.

Di akhir kata, Yang Berhormat merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada seluruh warga PPDB atas khidmat bakti dan komitmen yang dicurahkan, dan mendoakan semoga PPDB akan terus melangkah maju sebagai sebuah pasukan yang



profesional, berintegriti dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, ke arah kecemerlangan, kesejahteraan dan kemajuan NBD.

## PPDB adakan Upacara Perbarisan sempena Hari Polis Ke-105

**GADONG**, Khamis, 15 Januari. - Sempena Ulang Tahun Penubuhannya, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) pagi tadi mengadakan Upacara Perbarisan Hari Polis Ke-105 bertempat di Padang Kawad Besar, Pusat Latihan Polis, Gadong, dengan sambutan tahun ini bertepatan 'Memperkasakan Pasukan Ke Arah Wawasan 2035'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; pegawai-pegawai kanan Kementerian Pembangunan; pegawai, anggota dan kakitangan awam PPDB serta jemputan khas termasuk mantan-mantan pegawai dan anggota PPDB.

Upacara perbarisan dimulakan dengan pemeriksaan Kawalan Kehormatan dan Kontingen Perbarisan yang diiringi oleh Pasukan Pancaragam PPDB.

Pada upacara tersebut, tetamu kehormat juga menyampaikan ucapan.

Upacara kemudiannya diteruskan dengan Penyampaian Sijil Kepujian oleh tetamu kehormat kepada 21 orang anggota, terdiri



daripada lima pegawai dan 16 ahli pangkat rendah, sebagai pengiktirafan atas dedikasi dan kecemerlangan dalam pelaksanaan tugas.

Majlis turut disemarakkan dengan Perbarisan Berjalan Lalu dalam masa perlahan dan cepat oleh Kawalan Kehormatan, Rombongan Panji-Panji Diraja PPDB serta kontingen-kontingen perbarisan, diiringi Pasukan Pancaragam PPDB.

Tema sambutan pada tahun ini mencerminkan iltizam PPDB untuk terus memperkasakan keupayaan, kecekapan dan kesiapsiagaan pasukan dalam menghadapi cabaran keselamatan yang semakin kompleks, selaras dengan peranan masyarakat sebagai rakan strategik dalam memelihara keamanan dan kestabilan negara.



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Perbarisan Hari Polis Ke-105 (atas dan kiri).



**PERBARISAN** Berjalan Lalu dalam masa perlahan dan cepat oleh Kawalan Kehormatan, Rombongan Panji-Panji Diraja PPDB serta kontingen-kontingen perbarisan, diiringi Pasukan Pancaragam PPDB.

# SESI MUZAKARAH KETENGAHKAN PANDANGAN, CADANGAN MENINGKATKAN KUALITI PENDIDIKAN



KEMENTERIAN Pendidikan semasa mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bertempat di Dewan Persidangan 1 (P1), Kementerian Pendidikan.

Pendidikan turut menekankan bahawa penglibatan berterusan Ahli-ahli MMN, para ibu bapa, penjaga serta masyarakat amat diperlukan dalam mendukung dan merealisasikan visi Kementerian Pendidikan, 'Pendidikan Berkualiti, Negara Progresif'.

Pada Sesi Muzakarah berkenaan, Yang Berhormat Awang Amran selaku Ketua Rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN Tahun 2026 turut menyampaikan ucapan balas.

Sesi Muzakarah telah berlangsung dalam suasana yang harmoni dengan lontaran pandangan dan cadangan yang membangun dan strategik untuk sama-sama merealisasikan Matlamat 1 Wawasan Brunei 2035 iaitu 'Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya' serta meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negara ini.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Rektor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di Kementerian Pendidikan.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 14 Januari. - Kementerian Pendidikan hari ini mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Dewan Persidangan 1 (P1), Kementerian Pendidikan.

Hadir mempengerusikan Sesi Muzakarah tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Permuzakarahan ini merupakan acara tahunan bagi Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama kementerian - kementerian dan agensi-agensi berkepentingan.

Sesi Muzakarah bersama Kementerian Pendidikan berkenaan dihadiri oleh seramai 17 orang Ahli-ahli MMN yang diketuai oleh Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu

Mukim Lumapas.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan pencapaian dan kejayaan serta pengiktirafan yang telah diraih Kementerian Pendidikan sepanjang tahun 2025.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan, tahun 2025 sangat bermakna bagi Kementerian Pendidikan apabila melalui para pelajar, pendidik, ahli akademik, para pegawai kementerian masing-masing telah

menyumbang kepada beberapa anugerah peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Ini jelasnya termasuklah penganjuran beberapa acara berprestij yang telah berjaya dilaksanakan. Kejayaan yang diraih juga menunjukkan Kementerian Pendidikan sentiasa siaga dengan misinya, iaitu 'Untuk Menyediakan Pendidikan yang Berkualiti dan Holistik untuk Kehidupan Pelajar yang Bermanfaat'.

Yang Berhormat Menteri

## 25 peserta terpilih ke peringkat akhir Musabaqah Menghafaz Al-Quran



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BERAKAS,** Jumaat, 16 Januari. - Seramai 25 orang peserta daripada 75 orang peserta yang bertanding iaitu lima orang peserta dari setiap kategori telah terpilih memasuki Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah yang akan diadakan nanti.

Perkara tersebut telah diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pada Majlis Pengumuman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun

1447H yang diadakan kelmarin, bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H telah berlangsung selama tiga hari berturut-turut bermula pada Isnin, 12 Januari hingga Rabu, 14 Januari 2026 Masihi bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS Blok 2H, Tingkat 7, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran

Al-Quran MABIMS, KHEU, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H.

Acara diteruskan dengan Pengumuman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H oleh Pengerusi Jemaah Hakim.

Diikuti dengan penyampaian cenderamata dan sijil kepada para peserta Musabaqah dan hakim-hakim Musabaqah oleh tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Antara objektif musabaqah ini

## Kanser Kolorektal

**Kanser kolorektal** adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

**Penyebab bagi:** 1 dalam 10 kanser lelaki, 1 dalam 5 kanser wanita

**Faktor Risiko**

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

**Langkah Pencegahan**

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

**Tanda-Tanda Kanser Kolorektal**

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

**"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"**

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>

diadakan ialah untuk menggalakkan umat Islam di negara ini agar berjinak jinak mencintai Al-Quran melalui hafazan dan menjadikannya sebagai amalan harian.

Ia juga bertujuan untuk menambahkan lagi bilangan para huffaz di negara ini, di samping memperoleh pahala dan ganjaran

dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Musabaqah ini juga diharap dapat mendorong serta membantu para peserta dan orang ramai untuk memahami maksud yang terkandung dalam Al-Quran antaranya, fakta-fakta surah, nasihat, pengajaran dan hukum-hukum tajwid.

# PEMBIAYAAN SUKUK BERPERANAN PENTING MENGGERAKKAN MODAL SERANTAU, DOMESTIK

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

**JERUDONG**, Khamis, 15 Januari.

- Kewangan Islam terus memainkan peranan utama dalam sistem kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD). Sehingga suku ketiga 2025 (Q3 2025), pasaran kewangan Islam kekal mendominasi sektor kewangan negara merangkumi 57.5 peratus daripada jumlah keseluruhan aset kewangan.

Ini memberikan NBD satu kelebihan perbandingan yang unik untuk terus meletakkan posisi negara sebagai hab khusus kewangan Islam, khususnya dalam pembiayaan sukek, pembangunan pasaran modal patuh Syariah, serta inovasi teknologi kewangan Islam (Islamic FinTech).

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) menggariskan perkara berkenaan semasa acara BIBD Market Outlook 2026 yang diadakan petang tadi di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, di sini.

Jelas Yang Berhormat, dalam konteks ini, pembangunan pasaran modal Islam yang lebih mendalam

dan pelbagai menjadi semakin penting. Seiring dengan NBD memajukan agenda kepelbagaian ekonominya, dijangka wujud permintaan yang lebih besar terhadap pembiayaan jangka panjang bagi menyokong pembangunan infrastruktur, industri hiliran serta aliran pelaburan langsung asing.

Pembiayaan sukek, jelas Yang Berhormat lagi, boleh memainkan peranan penting dalam menggerakkan modal serantau dan domestik, di samping membolehkan penyertaan yang lebih luas oleh kedua-dua pihak korporat dan pelabur runcit.

"Keadaan ini seterusnya mengukuhkan keterangkuman kewangan dan memperdalam penyertaan pasaran merentasi keseluruhan ekonomi, dengan menyediakan sumber pembiayaan yang stabil serta sejajar dengan prinsip syariah dan keutamaan pembangunan negara.

"Sehingga kini, kerajaan telah menerbitkan Sukuk Al-Ijarah bernilai BND18.18 bilion sejak penerbitan sulungnya pada April 2006.

"Menyedari potensi ini, BDCB telah mempergiatkan inisiatif - inisiatif strategik

bagi memperkukuh ekosistem kewangan Islam negara. Ini termasuk penyelarasan semula strategi kewangan Islam yang, antara lain merangkumi pembangunan tingkap Islam (*Islamic window*) bagi sektor perbankan serta kerangka pembangunan bakat syariah," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menzahirkan rasa bangga dengan maklum balas yang membina dan positif yang diterima daripada para pemain industri yang mencerminkan minat serta kesediaan yang tinggi untuk terus membangunkan segmen berkenaan.

Tambah Yang Berhormat lagi, melalui usaha berterusan dan kolektif sebegini, NBD telah mengekalkan kedudukannya dalam kalangan 15 negara teratas di peringkat global, seperti yang dilaporkan dalam Islamic Finance Development Report 2025, di samping mengukuhkan kepentingan untuk meneruskan inisiatif - inisiatif bagi terus memperkasa ekosistem berkenaan.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat juga berkongsi NBD berada pada kedudukan yang baik untuk berperanan sebagai tapak ujian bagi inovasi FinTech Islam, termasuk pembiayaan

awam (*crowdfunding*) patuh Syariah dan penyelesaian pembiayaan berasaskan kontrak pintar (*smart-contract*).

BDCB menurut Yang Berhormat lagi, kekal komited dalam memastikan persekitaran kawal selia yang menyokong dalam memacu inovasi yang lebih besar dan pada masa ini, usaha sedang dijalankan untuk memperluas penyertaan dalam FinTech Regulatory Sandbox dengan membenarkan institusi kewangan berlesen menguji penyelesaian FinTech mereka sebelum diperluaskan ke pasaran yang lebih luas.

"Usaha-usaha ini dilengkapi dengan inisiatif lain BDCB, termasuk Pelan Hala Tuju Kewangan Mampan 2025-2030. Seiring dengan pembangunan berterusan pasaran modal NBD, penekanan yang kukuh terhadap pendedahan maklumat yang telus, tadbir urus yang baik serta perlindungan pelabur adalah amat penting bagi mengekalkan keyakinan pasaran dan mengukuhkan kredibiliti NBD sebagai sebuah pasaran yang diyakini bagi instrumen patuh syariah.

"Dalam kita mengharungi dunia yang sentiasa berubah, risiko yang berkembang serta transformasi struktur, kerjasama yang kukuh



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank semasa berucap.**

antara pengawal selia, institusi kewangan dan peserta pasaran adalah amat penting.

"Kewangan Islam, khususnya pembiayaan sukek, menawarkan negara satu instrumen yang berkesan untuk menyokong pembangunan pasaran modal, menarik pelaburan jangka panjang serta membiayai pertumbuhan ekonomi mampan dengan cara yang berdaya tahan, inklusif dan berteraskan nilai," ujar Yang Berhormat lagi.

## BIBD Market Outlook 2026 : Peluang berkongsi ilmu, jaringan profesional



**UCAPTAMA yang pertama disampaikan oleh Joe Barauskas.**

**JERUDONG**, Khamis, 15 Januari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah menganjurkan BIBD Market Outlook 2026 yang berlangsung petang tadi di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

Semasa majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menyampaikan ucapannya.

BIBD Market Outlook 2026 merupakan sesi taklimat pasaran khusus bagi pelanggan Institusi, Korporat dan PERDANA bagi membantu mereka memahami persekitaran ekonomi global semasa (*current global economy environment*), dinamik kadar faedah, risiko yang semakin berkembang (*evolving risks*) serta peranan pembiayaan sukek yang semakin meningkat dalam landskap pelaburan masa kini.

Selain itu, BIBD Market Outlook 2026 juga merupakan sebahagian daripada komitmen BIBD untuk menyediakan pandangan (*insight*) dan pengetahuan kepada para pelanggannya bagi membantu mereka membuat keputusan pelaburan yang berlandaskan maklumat yang tepat dan menyeluruh.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri, dalam ucapannya menjelaskan bahawa untuk terus mendahului pasaran masa kini bukan sahaja memerlukan akses kepada penyelesaian pelaburan yang berkualiti, malah pengetahuan serta bimbingan yang tepat bagi membolehkan keputusan yang berinformasi dibuat.

"Acara Market Outlook direka untuk menawarkan pandangan eksklusif, kepakaran yang disesuaikan serta sokongan khidmat nasihat peribadi kepada para pelanggan, yang menjadi teras kepada pendekatan pengurusan kekayaan holistik



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada BIBD Market Outlook 2026.**

BIBD," katanya.

Bertemakan 'Market Outlook : Navigating Rates, Risks and the Rise of Sukuk Financing', sesi berkenaan menghimpunkan pengurusan kanan BIBD, pakar jemputan serta para pelanggan bagi perkongsian ilmu dan jaringan profesional.

Ucaptive yang pertama bertajuk 'Global Macro Review and Outlook for 2026' telah disampaikan oleh Joe Barauskas dari Franklin Templeton, yang memberikan gambaran menyeluruh mengenai trend makroekonomi terkini yang membentuk kadar faedah, prospek pertumbuhan serta sentimen

pelabur menjelang 2026.

Para peserta turut didedahkan dengan kesan perubahan rejim kadar faedah, dinamika inflasi dan perkembangan geopolitik terhadap pelbagai kelas aset, sekali gus membantu mereka menilai risiko serta peluang pelaburan pada tahun hadapan.

Sesi seterusnya bertajuk 'Unlocking Sukuk Opportunities and Investment Positioning for 2026' telah dikendalikan oleh Awang Abd. Azim bin Haji Mohammad dari Kumpulan Perbankan Korporat BIBD, bersama Dayang Nur Ezza binti Haji Mohd. Hani dari Pengurusan Aset BIBD, BIBD Securities Sdn.

Bhd.

Perbincangan berkenaan menyentuh mengenai pertumbuhan berterusan pasaran sukek global serta peranan sukek sebagai instrumen pembiayaan dan pelaburan yang berdaya tahan dalam persekitaran ekonomi yang berubah-ubah, di samping potensinya dalam menyokong objektif pelaburan patuh syariah.

BIBD akan terus komited memperkasa para pelanggan melalui program pembelajaran dan penglibatan berterusan, termasuk sesi tinjauan pasaran dan khidmat nasihat yang diperibadikan, bagi memperkukuh daya tahan kewangan jangka panjang.

# Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



**ANTARA** yang hadir menyertai majlis berkenaan, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Bukit Sawat; Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Bukit Sawat dan Pemangku Pegawai Daerah Belait (atas dan atas kanan).

**BELAIT**, Khamis, 15 Januari. - Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di seluruh negara.

Bagi Daerah Belait, tumpuan

majlis diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, di sini.

Antara yang hadir menyertai majlis berkenaan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman, juga Penghulu Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait; dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @Lim Swee Ann, juga Ketua Kampung Bukit Sawat, Daerah

Belait; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad; dan Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani.

Turut hadir bagi menunaikan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas lewat petang tadi ialah warga Perkhidmatan Awam, ahli jawatankuasa takmir, Muslimah dan jemaah masjid serta orang

## Daerah Belait

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Alishahrin Haji Mumin



ramai.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan seterusnya Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud.

Diikuti dengan membaca Surah Yaa Siin yang diketuai oleh Imam Tingkat III, masjid berkenaan, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith, dan seterusnya bacaan Doa Khas yang dipimpin oleh Awang Afiq Haririe.

Kemudiannya, majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardhu Isyak

Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Noor Azhar.

Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan.

Seterusnya, kita semua mendoakan agar Negara Brunei Darussalam terhindar daripada bala bencana dan dikurniakan dengan kemakmuran dan kesejahteraan.

## Daerah Tutong

Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan, Mohd. Sahrizal Haji Said

**TUTONG**, Khamis, 15 Januari. - Selaras dengan syariat agama Islam yang sentiasa memohon taufik dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, acara keagamaan telah diadakan untuk merafakkan doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang akan menjalani rawatan kesihatan.

Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bermula pada malam tadi, di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara dengan tumpuan masjid utama iaitu Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di Kampung Kiarong bagi mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dikurniakan kesembuhan segera dan keafiatan yang berpanjangan.

Bagi Daerah Tutong majlis tersebut diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong yang dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Majlis kemudiannya diikuti

dengan Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas yang dipimpin oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof dan diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Turut hadir ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung serta para penduduk Daerah Tutong.

Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas juga akan diadakan bermula pada 16, 17 dan 18 Januari 2026 selepas Sembahyang Fardu Maghrib di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara dan Doa Khas akan dibacakan pada setiap waktu sembahyang fardu.

Sementara itu, membaca Surah Yaa Siin, Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas akan diadakan pada Jumaat, 26 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 16 Januari 2026 Masihi sebelum Sembahyang Fardu Jumaat bermula pukul 12.15 tengah hari dan diikuti dengan Khutbah Khas.

Manakala Munajat Khas bagi Institusi Pendidikan akan diadakan pada Isnin, 29 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 19 Januari 2026 Masihi, yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah Arab, sekolah agama, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta dengan pengisian Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas.



**ANTARA** yang hadir menyertai Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas berkenaan yang diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (atas dan bawah).



# Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

## Daerah Temburong



ANTARA yang hadir menyertai majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

**TEMBURONG**, Khamis, 15 Januari. - Bagi Daerah Temburong, Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Antara yang hadir menyertai majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Turut hadir bagi menunaikan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas lewat petang tadi ialah ketua-ketua bahagian, kakitangan kerajaan dan ahli jawatankuasa

takmir, Muslimah dan jemaah masjid.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah dan seterusnya Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Diikuti dengan membaca Surah Yaa Siin yang diketuai oleh Awang Muhammad Syahmi dan diteruskan dengan Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah.

Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohammad Hasif Matzin



BAGI Daerah Temburong, Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (atas dan bawah).



# Sembahyang Sunat Hajat, Doa Khas bagi kesihatan, kesejahteraan Kebawah DYMM



**SEMBAHYANG** Sunat Hajat dan Doa Khas bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu selepas Sembahyang Fardhu Maghrib bagi Daerah Brunei dan Muara berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 16 Januari. - Selaras dengan syariat agama Islam yang sentiasa memohon taufik dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagai kesinambungan bagi majlis

keagamaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) lewat petang tadi meneruskan pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu selepas

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Sembahyang Fardhu Maghrib di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Di Daerah Brunei dan Muara, tumpuan majlis keagamaan berkenaan berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Sementara itu, di Daerah Belait, tumpuan acara diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong, Daerah Tutong; dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Terdahulu itu, di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib, disusuli dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Turut hadir bagi menunaikan Majlis Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas ialah warga Perkhidmatan Awam, anggota pasukan beruniform, ahli

jawatankuasa takmir dan jemaah masjid serta orang ramai.

Pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan diadakan selama tiga hari berturut-turut dan akan diteruskan lagi esok, Sabtu dan Ahad, 27 dan 28 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 17 dan 18 Januari 2026 selepas Sembahyang Fardhu Maghrib.

Marilah kita menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan.

Seterusnya, kita semua mendoakan agar Negara Brunei Darussalam terhindar daripada bala bencana dan dikurniakan dengan kemakmuran dan kesejahteraan.

# BENGKEL TINGKATKAN KEFAHAMAN ASAS ISLAM



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Bukit Sawat hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada para fasilitator dan peserta (atas dan atas kanan). Sementara gambar bawah kanan, sekitar majlis berkenaan.

## Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

**BELAIT**, Khamis, 15 Januari. - Seramai 30 orang mualaf dari Daerah Tutong menamatkan Bengkel Da'wah Bersama Mualaf selama empat hari yang bermula dari 12 hingga 14 Januari 2026 mengambil tempat di Dewan Serbaguna, Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong.

Sehubungan itu, majlis penutup bengkel berkenaan diadakan petang tadi berlangsung di Rumah Panjang Mendaram Besar, Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada wakil peserta Bengkel Da'wah Bersama Mualaf.

Seterusnya, penyampaian sijil kepada para fasilitator dan peserta disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan bacaan Doa Penutup.

Bengkel tersebut merupakan anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Cawangan Da'wah Daerah Tutong.

Para fasilitator bengkel terdiri



daripada Pensyarah Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Hajah Nurot Halimatulwara' binti Haji Mumin; dan pegawai-pegawai daripada PDI iaitu Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidop; Dayang Nurhuwaina binti Mamud; Awang Ahmad Muzhaffar bin Haji Marsidi; Awang Abdul Khaliq bin Kamree; Awang Muhd. Safwan bin Mohd. Suffian; serta Awang Haji Salleh Dicky bin Abdullah.

Antara objektif utama bengkel tersebut adalah untuk meningkatkan kefahaman serta keyakinan para mualaf terhadap asas-asas Islam, di samping memperkukuhkan peranan mereka sebagai duta Islam kepada ahli keluarga yang bukan beragama Islam (*non-muslim*).

Bengkel berkenaan turut merangkumi beberapa modul pengisian, antaranya pengenalan asas dakwah, Fardu Ain, sesi motivasi, kemahiran komunikasi berkesan, penggunaan media

da'wah, serta sesi perkongsian pengalaman sebagai mualaf dan dalam menyampaikan dakwah kepada golongan *non-muslim*.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pengarah PDI, Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut; Pemangku Penghulu Mukim Labi selaku Ketua Kampung Labi 2, Awang

Muhammad Nurazri bin Haji Abdul Mustafah; Tuai Rumah Panjang Mendaram Besar, Awang Berandi anak Jamau; Ketua Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir, pegawai serta kakitangan PDI dan Cawangan Da'wah Daerah Tutong, serta penghuni Rumah Panjang Mendaram Besar, Daerah Belait.



# Program Kembara Zakat memudahkan urusan penyampaian bantuan, khidmat agama



**JABATAN** Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa meneruskan lagi Program Kembara Zakat 2026 bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong, Daerah Temburong (atas, atas kanan dan bawah kanan).

**Oleh :** Nooratini Haji Abas  
**Foto :** Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**TEMBURONG**, Khamis, 15 Januari. - Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi meneruskan lagi Program Kembara Zakat 2026 bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong, Daerah Temburong.

Program ini adalah bagi menyampaikan maklumat serta memberikan penerangan kepada penghulu dan ketua-ketua kampung berkaitan pengurusan permohonan bantuan zakat, perkhidmatan JUZWAB di bawah

Sistem Kebajikan Negara (SKN) serta pengenalan mengenai wakaf dan baitulmal, juga mempertingkatkan perkhidmatan pengurusan zakat, wakaf dan baitulmal di Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama dalam program tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misse bin Haji Abd. Karim; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau;

Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Suhaili dan Ketua Pegawai Ugama Temburong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong, KHEU, Awang Haris Hamdillah bin Haji Masri.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan alu-aluan dan seterusnya taklimat yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusan, Zakat, Waqaf dan Baitulmal, KHEU, Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra.

Program Kembara Zakat 2026 turut memuatkan Klinik Zakat yang dibukakan untuk memberikan



panduan dan bantuan berhubung tatacara permohonan SKN, pengiraan zakat, pengiraan fidyah dan lain-lain serta lain-lain perkara yang berkaitan.

Program Kembara Zakat 2026 diadakan di keempat-empat daerah dan akan diteruskan lagi pada hari Isnin, 29 Rejab 1447H bersamaan 19 Januari 2026M

bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong.

Semoga dengan adanya program ini harap akan dapat menjalinkan kerjasama yang lebih aktif khususnya bagi mempermudah pengurusan bantuan serta penyampaian perkhidmatan agama kepada anak buah kampung masing-masing.

# LATIHAN MEMPERKUKUH PROFESIONALISME PENGENDALI PELANCONGAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil tersebut kepada penerima yang diadakan di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.



**BERAKAS**, Rabu, 14 Januari. - Seramai 40 orang peserta daripada 17 syarikat pengendali perkhidmatan pelancongan yang berjaya menamatkan Latihan Entrepreneurship Program anjuran Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Brunei Economic Development Board, menerima sijil masing-masing pada majlis yang diadakan di

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), hari ini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil tersebut ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Abdul Wahab.

Tiga di antara syarikat pengendali perkhidmatan pelancongan tersebut turut dianugerahkan sijil pencapaian atas kejayaan melengkapkan kesemua tujuh modul latihan yang ditawarkan di bawah program ini.

Siri latihan Entrepreneurship Program bagi pengendali perkhidmatan pelancongan tersebut telah dilaksanakan secara berperingkat dari bulan Ogos hingga November 2025.

Justeru, majlis ini diadakan sebagai penghargaan terhadap penyertaan dan komitmen para peserta sepanjang program latihan berkenaan.

Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pengendali perkhidmatan pelancongan dalam aspek pengurusan perniagaan, termasuk pembangunan pelan perniagaan, pengurusan kewangan, perancangan aliran tunai, perakaunan digital, pemasaran dan penjenamaan digital serta kemahiran jualan.

Pelaksanaan program latihan ini adalah selaras dengan peningkatan ketara kemasukan pelancong ke Negara Brunei

Darussalam (NBD) sejak beberapa tahun kebelakangan ini, yang menuntut tahap profesionalisme, kecekapan pengurusan dan keupayaan perniagaan yang lebih mantap dalam kalangan pengendali perkhidmatan pelancongan.

Melalui penganjuran latihan ini, para peserta diharap dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh bagi menyokong pertumbuhan perniagaan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan negara.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam mempertingkatkan keupayaan, profesionalisme dan kemampanan pengendali perkhidmatan pelancongan, di samping menyokong pembangunan industri pelancongan negara yang lebih berdaya tahan, kompetitif dan berkualiti tinggi.

Jabatan Kemajuan Pelancongan berharap agar pelaksanaan serta pengiktirafan melalui program latihan keusahawanan seperti ini akan terus menyumbang kepada pembentukan ekosistem pelancongan yang lebih progresif, mampan dan berdaya saing, sekali gus memberikan pengalaman pelancongan yang berkualiti dan bernilai kepada semua pengunjung ke NBD.

## Program Kembara Zakat diteruskan di Daerah Belait

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Alishahrin Haji Mumin



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa mempengerusikan Program Kembara Zakat dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai (atas dan atas kanan).



**KUALA BELAIT**, Rabu, 14 Januari. - Program Kembara Zakat dihasrat untuk menyampaikan maklumat serta memberikan penerangan kepada Penghulu dan Ketua-ketua Kampung berkaitan pengurusan permohonan bantuan zakat, perkhidmatan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) di bawah Sistem Kebajikan Negara (SKN) serta pengenalan mengenai wakaf dan baitulmal dan juga dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan pengurusan zakat, wakaf dan baitulmal di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, JUZWAB, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Program

ANTARA yang hadir mendengarkan taklimat tersebut.

Kembara Zakat 2026 pagi tadi di Dewan Intisar, Jabatan Daerah Belait, Daerah Belait, di sini.

Hadir mempengerusikan program berkenaan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Terdahulu itu, program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU.

Sesi taklimat disampaikan oleh Pemangku Pengarah JUZWAB, Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra disusuli dengan sesi soal jawab.

Di samping itu, program tersebut juga memuatkan Klinik Zakat yang

dibukakan bagi memberikan panduan dan bantuan berhubung tatacara permohonan SKN, pengiraan zakat, pengiraan Fidyah dan lain-lain serta lain-lain perkara yang berkaitan.

Program Kembara Zakat 2026 akan diteruskan lagi pada Khamis, 25 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 15 Januari 2026 Masihi bertempat di Kediaman Rasmi, Pegawai Daerah Temburong, manakala pada Isnin, 29 Rejab 1447H bersamaan 19 Januari 2026M bertempat di Kediaman Rasmi, Pegawai Daerah Tutong.

Adalah diharapkan semoga dengan adanya program ini akan dapat menjalinkan kerjasama yang lebih aktif khususnya bagi mempermudah pengurusan bantuan serta penyampaian perkhidmatan agama kepada anak buah kampung masing-masing.

## Melahirkan alumni berdaya saing, menyumbang pembangunan ekonomi




**KETUA** Pegawai Eksekutif Bank Usahawan, Dato Seri Paduka Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud hadir selaku tetamu kehormat pada Program Alumnipreneurs Showcase 2025. Juga hadir, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (atas dan kanan).

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 15 Januari. - Persatuan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Pejabat Hab Keusahawanan UNISSA dan Pejabat Hal Ehwal Alumni UNISSA menganjurkan Program Alumnipreneurs Showcase 2025. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bank Usahawan, Dato Seri Paduka Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud. Turut hadir ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan

bin Haji Zainal serta wakil-wakil agensi daripada Bank Usahawan Berhad, Brunei Innovation Lab, Darussalam Enterprise (DARE) termasuk Fatih Aquaculture, Bersih Solutions & Skyvision BN, Syarikat Darussalam dan Simply Deco. Program 'Alumnipreneurs Showcase 2025' diunkayahkan sebagai satu platform dan wahana bagi menyokong serta memperkasa alumni UNISSA yang sedang atau berhasrat untuk menceburi dunia keusahawanan. Di samping itu, program ini turut memberi peluang kepada para



alumni untuk mengasah bakat serta memperkukuh kemahiran keusahawanan, khususnya kepada mereka yang berminat atau telah berkecimpung dalam bidang tersebut. Dalam ucapan alu-aluan Yang Di-Pertua Persatuan Alumni UNISSA, Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan menyatakan bahawa program ini juga berperanan sebagai platform jaringan yang menghimpunkan alumni usahawan bersama pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi sokongan perniagaan, pelabur serta masyarakat umum, sekali gus

membuka ruang kerjasama strategik dan peluang pembangunan perniagaan pada masa hadapan. Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan ucapan penghargaan dan tahniah kepada ahli jawatankuasa serta UNISSA secara keseluruhannya atas inisiatif yang sangat baik, lebih-lebih lagi, bidang keusahawanan ini memang diketahui bukanlah sesuatu yang mudah, penuh dengan cabaran dan memerlukan kerajinan serta komitmen yang jitu. Seramai sembilan orang peserta alumni UNISSA mengambil

bahagian dalam program ini melalui sesi *business pitching*. Pemenang pertandingan diumumkan pada sesi petang selepas sesi *business pitching*, dengan hadiah wang tunai berjumlah BND300 bagi tempat pertama, BND200 bagi tempat kedua dan BND100 bagi tempat ketiga. Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan UNISSA dalam melahirkan alumni yang berdaya saing, inovatif dan berupaya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui bidang keusahawanan.

## PROGRAM WISE CUNGKIL BAKAT, PERKASA EKONOMI WARGA EMAS

■ **Berita dan Foto : Nurdianah Rajami**



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 14 Januari. - Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Program WISE (Wargamas Inspirasi Ekonomi) dan cenderamata penghargaan kepada para penaja telah diadakan di kawasan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara, pagi tadi. Acara dua hari yang bermula 13 Januari itu dianjurkan oleh Pertubuhan WARGAMAS dengan kerjasama YSHHB, Bank Usahawan, D'Sunlit Sendirian Berhad dan Kompleks Bangunan YSHHB serta dikendalikan bersama oleh Biro Ekonomi dan Biro Warganita, Pertubuhan WARGAMAS. Program berkenaan telah dimeriahkan dengan peraduan yang merangkumi empat kategori dibukakan kepada Ahli-ahli

Pertubuhan WARGAMAS, YSHHB dan Bank Usahawan, iaitu Peraduan Memasak (Ikan Rebus), Mengubah Bunga Hidup, Kraf Tangan atau Kreatif serta Menganyam Ketupat. Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan sesi penyampaian hadiah dan cenderamata penghargaan ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bank Usahawan, Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud. Bagi memberkati majlis, Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dibacakan beramai-ramai dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don juga selaku Pengerusi Majlis. Sejurus sesi penyampaian

hadiah dan cenderamata penghargaan, tetamu kehormat tidak ketinggalan menyaksikan petak-petak Tamu Bulanan yang disertai 18 vendor daripada Pertubuhan WARGAMAS dan lima vendor daripada YSHHB yang menawarkan pelbagai produk jualan menarik merangkumi makanan dan minuman, barangan perhiasan, baju, bunga-bunga hidup dan sebagainya. Pelaksanaan Program WISE berfungsi sebagai platform untuk memperluaskan jalinan rakan strategik dan kolaborasi antara Pertubuhan WARGAMAS dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs). Selain itu, program tersebut turut mencerminkan usaha berterusan pertubuhan berkenaan dalam mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 melalui pendekatan Whole of Nation. Di samping itu, program berkenaan menjadi saluran untuk menjana sumber kewangan melalui potensi, kemahiran dan pengalaman peserta, selain mencungkil bakat baharu serta mengembangkan potensi sedia ada untuk disebarluaskan ke peringkat nasional melalui penganjuran peraduan dan pameran berkaitan bidang memasak, menjahit, gubahan bunga hidup, urusan rumah tangga serta hal ehwal wanita dan warga wira. Sebagai pengiktirafan terhadap penglibatan dan usaha Ahli Pertubuhan WARGAMAS serta rakan strategik, produk yang



**SEKITAR** Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Program WISE (Wargamas Inspirasi Ekonomi) yang telah diadakan di kawasan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara (atas dan kiri).

dihasilkan melalui program ini akan dijadikan sebagai inspirasi dalam menjana ekonomi yang lebih terjamin, khususnya kepada warga emas dan generasi muda di Negara Brunei Darussalam. Usaha ini juga dihasratkan dapat meningkatkan lagi produktiviti sebagai *trademark* Pertubuhan WARGAMAS dalam bidang ekonomi, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dan mahabbah antara ahli, rakan strategik serta orang awam. Sejak tahun 2024, pertubuhan berkenaan melalui Biro Ekonomi dan Biro Warganita telah memulakan misi untuk menjana sumber kewangan pertubuhan serta meningkatkan pendapatan ahli terutama golongan wanita yang

aktif dalam bidang perniagaan. Pastinya dengan adanya kolaborasi antara kedua-dua biro berkenaan berperanan sebagai jentera utama dalam menjana sumber kewangan berasaskan kemahiran dan pengalaman ahli Pertubuhan WARGAMAS dalam bidang urusan rumah tangga seperti memasak, menjahit, menyulam, kraf tangan, gubahan bunga hidup dan perhiasan, selain hal ehwal wanita. Pendekatan tersebut dilihat sebagai satu penyaluran yang sihat ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, yang menekankan rakyat berpendidikan tinggi, berkemahiran, memiliki kualiti kehidupan yang tinggi serta ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan.

## Khutbah Khas di Jame' 'Asr Hassani Bolkiah

# MUNAJAT RAKYAT UNTUK RAJA

**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Dengan izin serta limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, kita masih diizinkan untuk berada di salah satu bulan haram yang padanya terdapat keistimewaan dan sangat dihormati iaitu bulan Rejab. Maka sebagai umat Islam yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sudah semestinya kita meningkatkan usaha dalam melaksanakan ketaatan dan amalan-amalan berkeabajikan serta menjauhkan diri dari perkara-perkara keji dan mungkar di dalam bulan ini.

Pada 27 Rejab setiap Tahun Hijrah, lazimnya seluruh umat Islam di mana pun berada, akan memperingati satu peristiwa agung dalam sejarah Islam, yang menjadi salah satu mukjizat besar yang dikhususkan kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu peristiwa Israk dan Mikraj.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa kemuncak daripada peristiwa Israk dan Mikraj ini adalah disyariatkan padanya sembahyang fardu lima waktu sehari semalam yang diperintahkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sekalian umat Baginda.

Sembahyang fardu lima waktu ini merupakan satu-satunya ibadah yang diperintahkan secara langsung kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sembahyang dari segi bahasa bermakna doa. Ini kerana, setiap pergerakan dan bacaan dalam sembahyang sebenarnya

adalah doa. Jika kita melihat kepada pengertian doa pula, ia merupakan segala bentuk komunikasi kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala yang merangkumi pujian, permohonan, pengakuan, harapan dan penyerahan diri. Maka di dalam ibadah sembahyang, terkandung di dalamnya pujian kepada Allah, tasbih, permohonan, pengakuan kehambaan, selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana kesemua itu adalah doa.

Doa merupakan ibadah yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita para hamba-Nya. Dengan berdoa, secara tidak langsung kita telah menzahirkan penghambaan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menunjukkan betapa kita sentiasa berhajat kepada-Nya.

Dalam sebuah hadits sahih riwayat Imam at-Tirmidzi, dari an-Nu'man bin Basyir Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, yang bermaksud: *"Doa itu adalah ibadah"*. Kemudian Baginda membaca firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ghafir ayat 60.

**Mafhumnya** : *"Dan Tuhan kamu berfirman: 'Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takabbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina'".*

Alhamdulillah, kita di Negara Brunei Darussalam ini telah menikmati kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala yang melimpah ruah.

Selain nikmat keamanan dan kemakmuran, kita juga dikurniakan nikmat seorang raja yang beriman, adil, soleh lagi bertakwa, yang menjadikan Islam sebagai tonggak dalam menerajui kepimpinan, seorang raja yang sangat

cinta kepada negaranya dan sangat kasih kepada rakyatnya.

Dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim, daripada 'Auf bin Malik al-Asyja'iy Radiallahuanhu, daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Maksudnya** : *"Sebaik-baik pemimpin kamu ialah yang kamu cintai dan mereka juga mencintai kamu, kamu mendoakan mereka dan mereka mendoakan kamu"*.

Maka sudah tentunya kita sebagai rakyat, perlu membalas kasih tersebut dengan memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda, sentiasa menyokong dan mendukung kepimpinan baginda dan berusaha untuk merealisasikan setiap hasrat baginda dalam mewujudkan kesejahteraan bagi rakyat dan negara.

Mendoakan raja bukan sekadar adat atau tradisi tetapi adalah satu ibadah dan tanggungjawab rakyat. Sejarah Islam sarat dengan contoh hubungan rakyat dan pemimpin yang diberkati kerana doa. Diceritakan bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz, seorang pemimpin Bani Umayyah yang sangat adil, sering berkata kepada rakyatnya : *"Bantulah aku dengan doa kamu"*.

Lalu rakyat pada zamannya pun sentiasa mendoakannya supaya Allah Subhanahu Wata'ala memelihara khalifah. Maka hasilnya, pemerintahan Umar bin Abdul Aziz didapati sangat gemilang dan makmur sehingga sukar untuk mencari orang yang layak menerima zakat. Ini menunjukkan bahawa doa rakyat adalah merupakan kekuatan bagi sebuah pemerintahan. Apabila pemimpin didoakan, Allah Subhanahu Wata'ala akan membuka pintu rahmat-Nya untuk rakyat dan negara.

Doa rakyat kepada raja adalah tanda kesetiaan, kasih sayang dan tanggungjawab bersama. Pada saat raja kita yang dikasihi diuji dengan kesihatan dan akan menjalani rawatan yang telah dirancang awal di Jerudong Park Medical Centre pada hari Ahad, 28 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 18 Januari 2026 Masihi, maka munajat rakyat kepada Allah Subhanahu Wata'ala menjadi amat penting. Sesungguhnya kesembuhan itu adalah datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan setiap ujian pasti mengandungi hikmah.

Diriwayatkan bahawa Khalifah Harun ar-Rasyid Khalifah Bani Abbasiyyah pernah jatuh sakit. Para ulama dan rakyat pada zamannya tidak berhenti mendoakan beliau. Imam Malik Rahimahullah berpesan kepada masyarakat : *"Perbanyakkanlah doa untuk pemimpin kamu, kerana kebaikan pemimpin adalah kebaikan untuk seluruh rakyat"*.

Dengan doa dan kebergantungan kepada Allah, pemimpin yang diuji akan diberi kekuatan dan rakyat pula memperoleh keberkatan dan ketenangan.

Begitu juga salah seorang Tabi' Tabi'in al-Fudhail bin 'Iyadh Rahimahullah yang dikenali sebagai Abid al-Haramin telah berkata :

*"Jika sekiranya aku memiliki satu doa yang mustajab, nescaya aku tidak akan menggunakannya melainkan hanya untuk mendoakan raja atau pemimpin"*.

Mengapa sikap mendoakan raja ini dikuatkan oleh ugama? Kerana dengan mendoakan raja, semua kebajikan akan diperoleh. Jika raja selamat, rakyat dan negara juga akan selamat. Jika raja sihat, rakyat dan negara juga akan terus mendapat kepimpinan yang sihat. Jika raja lanjut usia, seluruh rakyat dan negara akan dapat terus bernaung di bawah payung pemerintahan Baginda yang adil dan bijaksana. Demikian itulah antara hikmah atau kepentingan mendoakan raja.

Selaku rakyat, kita dituntut untuk sentiasa mendoakan kebaikan bagi raja yang kita kasihi. Ini kerana, mendoakan kebaikan untuk raja akan membuahkan manfaat dan maslahat yang besar untuk seluruh rakyat dan juga negara.

Sehinggakan Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahullah telah mewajibkan kepada dirinya untuk sentiasa mendoakan kebajikan raja atau pemimpin siang dan malam.

Oleh yang demikian, marilah kita selaku



**KHUTBAH** Khas bagi Sembahyang Fardu Jumaat dibacakan oleh Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

rakyat dan penduduk serta seluruh masyarakat di Negara ini sama-sama menadahkan tangan, bermunajat kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk mendoakan agar prosedur rawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berjalan dengan lancar dan seterusnya kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kesembuhan yang segera, kesihatan yang sempurna dan keafiatan yang berpanjangan kepada baginda.

*"Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, dengan menyebut nama-nama-Mu yang Mulia, pandanglah tadahan tangan kami ini Ya Allah, kami pada saat ini sedang berkumpul di rumah-Mu, pada hari yang penuh dengan keberkatan dan kemuliaan, dengan harapan Engkau akan memperkenankan doa permohonan kami ini dengan segala kelembutan dan kasih sayang-Mu wahai Tuhan yang Maha Pengasih."*

*"Ya Allah, kami mensyukuri setiap nikmat yang telah Engkau limpahkan kepada kami dan negara kami, yang semua itu kami nikmati adalah dengan berkat kepimpinan raja kami yang soleh, beriman lagi bertakwa."*

*"Ya Allah, kami tahu Engkau sangat dekat, kami tahu Engkau mendengar dan memperkenankan setiap doa hamba-hamba-Mu. Maka dari itu kami mohon pada-Mu Ya Allah, yang mana hanya pada-Mu jua satu-satunya tempat kami meminta dan menggantungkan harapan."*

*"Mohon Ya Allah, mohon Engkau kekalkan nikmat kesihatan, keafiatan dan kesejahteraan untuk raja yang kami kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam."*

*"Mohon Engkau kurniakan kemudahan serta kelancaran dalam setiap urusan baginda. Mohon peliharakan raja kami dengan pemeliharaan-Mu Ya Allah. Jauhkan baginda dan kami semua daripada bala bencana, penyakit dan daripada segala keburukan. Sesungguhnya Engkau jualah sebaik-baik pemelihara Ya Allah."*

*"Ya Allah, mohon Engkau berkati umur raja kami, terima setiap amal kebajikan baginda, hiasi baginda dengan aafiah yang sempurna serta kurniakan baginda taufik dan petunjuk dalam memimpin negara dengan keredaan-Mu jua. Amin Ya Rabbal Alamin"*.

**Tafsirnya** : *"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku maka (katakanlah kepada mereka) : Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran)".* (Surah Al-Baqarah, ayat 186)

**"YA Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, dengan menyebut nama-nama-Mu yang Mulia, pandanglah tadahan tangan kami ini Ya Allah, kami pada saat ini sedang berkumpul di rumah-Mu, pada hari yang penuh dengan keberkatan dan kemuliaan, dengan harapan Engkau akan memperkenankan doa permohonan kami ini dengan segala kelembutan dan kasih sayang-Mu wahai Tuhan yang Maha Pengasih."**

**"Ya Allah, kami mensyukuri setiap nikmat yang telah Engkau limpahkan kepada kami dan negara kami, yang semua itu kami nikmati adalah dengan berkat kepimpinan raja kami yang soleh, beriman lagi bertakwa."**

**"Ya Allah, kami tahu Engkau sangat dekat, kami tahu Engkau mendengar dan memperkenankan setiap doa hamba-hamba-Mu. Maka dari itu kami mohon pada-Mu Ya Allah, yang mana hanya pada-Mu jua satu-satunya tempat kami meminta dan menggantungkan harapan."**

**"Mohon Ya Allah, mohon Engkau kekalkan nikmat kesihatan, keafiatan dan kesejahteraan untuk raja yang kami kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam."**

**"Mohon Engkau kurniakan kemudahan serta kelancaran dalam setiap urusan baginda. Mohon peliharakan raja kami dengan pemeliharaan-Mu Ya Allah."**

**Jauhkan baginda dan kami semua daripada bala bencana, penyakit dan daripada segala keburukan. Sesungguhnya Engkau jualah sebaik-baik pemelihara Ya Allah."**

**"Ya Allah, mohon Engkau berkati umur raja kami, terima setiap amal kebajikan baginda, hiasi baginda dengan aafiah yang sempurna serta kurniakan baginda taufik dan petunjuk dalam memimpin negara dengan keredaan-Mu jua. Amin Ya Rabbal Alamin"**.



## SERUAN Suci

**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Dengan izin serta limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, kita masih diizinkan untuk berada di salah satu bulan haram yang padanya terdapat keistimewaan dan sangat dirahmati iaitu bulan Rejab. Maka sebagai umat Islam yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sudah semestinya kita meningkatkan usaha dalam melaksanakan ketaatan dan amalan-amalan berkebajikan serta menjauhkan diri daripada perkara-perkara keji dan mungkar di dalam bulan ini.

Pada 27 Rejab, lazimnya seluruh umat Islam di mana pun berada, akan memperingati satu peristiwa agung dalam sejarah Islam, yang menjadi salah satu mukjizat besar yang dikhususkan kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu peristiwa Israk dan Mikraj.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa kemuncak dari peristiwa Israk dan Mikraj ini adalah disyariatkan padanya sembahyang fardu lima waktu sehari semalam yang diperintahkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sekalian umat Baginda. Sembahyang fardu lima waktu ini merupakan satu-satunya ibadah yang diperintahkan secara langsung kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sembahyang dari segi bahasa bermakna doa. Ini kerana setiap pergerakan dan bacaan dalam sembahyang sebenarnya adalah doa. Jika kita melihat kepada pengertian doa pula, ia merupakan segala bentuk komunikasi kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala

# Munajat rakyat untuk raja

yang merangkumi pujian, permohonan, pengakuan, harapan dan penyerahan diri. Maka di dalam ibadah sembahyang, terkandung di dalamnya pujian kepada Allah Subhanahu Wata'ala, tasbih, permohonan, pengakuan kehambaan, selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana kesemua itu adalah doa.

Doa merupakan ibadah yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita para hamba-Nya. Dengan berdoa, secara tidak langsung kita telah menzahirkan penghambaan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menunjukkan betapa kita sentiasa berhajat kepada-Nya. Selain itu, sewaktu berdoa kita sebenarnya merendahkan diri kita sebagai hamba yang kerdil dan serba kekurangan di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pemurah lagi Maha Kaya.

Dalam sebuah hadis sahih riwayat Imam at-Tirmidzi, daripada an-Nukman bin Basyir Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Doa itu adalah ibadah". Kemudian Baginda membaca firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ghafir, ayat 60 :

**Tafsirnya :** "Dan Tuhan kamu berfirman : Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadah kepada-Ku akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina".

Maka dari itu, ketika mana ingin bermunajat, memohon doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk sebarang hajat, sama ada hajat dunia mahupun akhirat, seyogianya diingatkan untuk menerapkan adab-adab dalam berdoa agar apa yang kita pohonkan akan lebih mudah diterima dan diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Al-Quran ada memberikan panduan berkenaan dengan adab ketika berdoa sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf, ayat 55 :

**Tafsirnya :** "Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan rendah hati dan dengan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas".

Begitu juga Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam turut menasihati agar kita memiliki keyakinan ketika berdoa, yakin bahawa doa kita itu pasti dikabulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana sabdanya di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Berdoalah kamu kepada Allah sedang kamu yakin doa kamu itu dikabulkan".

Para ulama juga turut menggariskan panduan dalam berdoa, di antaranya Imam as-Syafi' Rahimahullah di dalam kitabnya al-Umm menyebutkan : "Doa mustajab adalah pada lima malam, iaitu malam Jumaat, malam Hari Raya Aidiladha, malam Hari raya Aidilfitri, malam awal bulan Rejab dan malam Nisfu Syaaban".

Panduan-panduan ini menunjukkan bahawa betapa besarnya peranan doa dalam kehidupan kita. Di samping mengingatkan kita untuk tidak mengabaikannya, doa juga perlu dipanjatkan dengan kesungguhan dan penuh khushyuk dengan harapan dan keyakinan bahawa doa yang kita panjatkan itu akan dikabulkan selama mana yang kita pohonkan itu adalah dari perkara kebaikan.

Alhamdulillah, kita di Negara Brunei Darussalam ini telah menikmati kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala yang melimpah ruah. Selain nikmat keamanan dan kemakmuran, kita juga dikurniakan nikmat seorang raja yang beriman, yang menjadikan Islam sebagai tonggak dalam menerajui kepimpinan, seorang raja yang sangat cinta kepada negaranya dan sangat kasih kepada rakyatnya. Maka sudah setentunya kita sebagai rakyat, perlu membalas kasih tersebut dengan memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda, sentiasa menyokong dan mendukung kepimpinan baginda dan berusaha untuk merealisasikan setiap hasrat baginda dalam mewujudkan kesejahteraan bagi rakyat dan negara. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa, ayat 69 :

**Tafsirnya :** "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah kepada (kitab) Allah (Al-Quran) dan (sunnah) rasulnya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya".

Selaku rakyat, kita dituntut untuk sentiasa mendoakan kebaikan bagi raja yang kita kasihi. Ini kerana mendoakan kebaikan untuk raja akan membuahkan manfaat dan maslahat yang besar untuk seluruh rakyat dan juga negara. Sehingga Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahullah telah mewajibkan pada dirinya untuk sentiasa berdoa kebaikan kepada pemimpin siang dan malam. Begitu juga salah seorang Tabi' Tabi'in al-Fudhail bin 'Iyadh Rahimahullah yang dikenali sebagai Abid al-Haramin telah berkata : "Jikalau sesungguhnya aku memiliki satu doa yang mustajab, aku tidak akan menggunakannya melainkan untuk mendoakan pemimpin". Akhirnya, marilah kita sama-sama menadahkan tangan, bermunajat kepada

Allah Subhanahu Wata'ala unuk raja yang kita kasihi.

"Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, dengan menyebut nama-nama-Mu yang mulia, pandanglah tadahan tangan kami ini Ya Allah, kami saat ini sedang berkumpul di rumah-Mu, di hari yang penuh dengan keberkatan dan kemuliaan, dengan harapan Engkau akan memperkenankan doa permohonan kami ini dengan segala kelembutan dan kasih sayang-Mu wahai Tuhan yang Maha Pengasih.

"Ya Allah, kami mensyukuri setiap nikmat yang telah Engkau limpahkan kepada kami dan negara kami, yang semua itu kami nikmati adalah dengan berkat kepimpinan raja kami yang soleh, beriman lagi bertakwa.

"Ya Allah, kami tahu Engkau sangat dekat, kami tahu Engkau mendengar dan memperkenankan setiap doa hamba-hamba-Mu. Maka dari itu kami memohon pada-Mu Ya Allah, yang mana hanya pada-Mu jua satu-satunya tempat kami meminta dan menggantungkan harapan.

"Mohon Ya Allah, mohon Engkau kekalkan nikmat kesihatan, keafiatan dan kesejahteraan untuk raja yang kami kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Memohon Engkau kurniakan kemudahan serta kelancaran dalam setiap urusan baginda. Mohon peliharakan raja kami dengan pemeliharaan-Mu Ya Allah. Jauhkanlah baginda dan kami semua daripada bala bencana, penyakit dan daripada segala keburukan. Sesungguhnya Engkau jualah sebaik-baik pemeliharaan Ya Allah. Ya Allah, mohon Engkau berkat umur raja kami, terima setiap amal kebajikan baginda, hiasi baginda dengan aafia yang sempurna serta kurniakan baginda dengan taufik dalam memimpin negara dengan keredaan-Mu jua. Amin Ya Rabbal Alamin".

**Tafsirnya :** "Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku maka (katakan kepada mereka) : "Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenankan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran". (Surah Al-Baqarah, ayat 186)

## Pendaftaran SMS keputusan peperiksaan dibukakan

**Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 14 Januari. - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. (Progresif), Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan Keputusan Peperiksaan

Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'A' dan 'AS' sesi Oktober/November 2025.

Ibu bapa atau penjaga serta pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan ini boleh mendaftar melalui telefon bimbit menggunakan SMS dengan memasukkan teks berikut: MOEREGA [KOD PUSAT] [NOMBOR CALON] [NOMBOR I.C. CALON] dan dihantar ke +673 8885555

bagi pelanggan DST, +673 38666 bagi pelanggan Progresif dan +673 39966 bagi pelanggan Imagine.

Ibu bapa atau penjaga serta pelajar boleh mula melanggan perkhidmatan ini mulai pada hari Khamis, 15 Januari 2026.

Para pelanggan adalah dimaklumkan bahawa tiada sebarang bayaran akan dikenakan semasa pendaftaran yang dilakukan melalui telefon bimbit.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan tersebut.

Pelanggan akan dikenakan pembayaran berjumlah BND3 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Kementerian Pendidikan berharap melalui perkhidmatan

yang disediakan ini akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai, terutama sekali para ibu bapa atau penjaga dan pelajar serta pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan secara umum.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, bolehlah berhubung terus melalui nombor +673 8671355 atau e-mel ke [moeresults@machbrunei.com](mailto:moeresults@machbrunei.com).



SILA IMBAS UNTUK KHUTBAH LENGKAP



KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 26 REJAB 1447H / 16 JANUARI 2026M


 جِبَاتِنِ حَالِ اَحْوَالِ مَسْجِدِ  
JABATAN HAL EHWAL MASJID,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## MUNAJAT RAKYAT UNTUK RAJA



1

### PERISTIWA AGUNG DALAM SEJARAH ISLAM: ISRA' DAN MI'RAJ

27 Rejab: peristiwa Isra' dan Mi'raj. Kemuncak dari peristiwa Isra' dan Mi'raj ini adalah disyariatkan padanya sembahyang fardhu lima waktu sehari semalam yang diperintahkan kepada Nabi Muhammad SAW dan sekalian umat Baginda.



2

### SETIAP PERGERAKAN DAN BACAAN DALAM SEMBAHYANG:

## DOA

### BERDOA

→ Menzahirkan penghambaan diri kita kepada Allah S.W.T

→ Menunjukkan betapa kita sentiasa berhajat kepadaNya

Sewaktu berdoa kita sebenarnya sedang merendahkan diri kita sebagai hamba yang kerdil dan serba kekurangan, di hadapan Allah S.W.T.

4

### KESUNGGUHAN, KEYAKINAN & KHUSYU' DALAM BERDOA

Nabi Muhammad SAW turut menasihati agar kita memiliki keyakinan ketika berdoa, yakin bahawa doa kita itu pasti dikabulkan oleh Allah SWT.

Doa juga perlu dipanjatkan dengan kesungguhan dan penuh khusyu' dengan harapan dan keyakinan bahawa doa yang kita panjatkan itu akan dikabulkan selama mana yang kita pohonkan itu adalah dari perkara kebaikan.



3

### ADAB KETIKA BERDOA



Al-Quran ada memberikan panduan berkenaan dengan adab ketika berdoa sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raf ayat 55:

أَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطٰنِ الرَّجِيْمِ  
اَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِيْنَ  
صَدَقَ اللّٰهُ الْعَظِيْمُ

Tafsirnya : Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.

5

### MENDOAKAN KEBAIKAN UNTUK RAJA

Selaku rakyat, kita dituntut untuk sentiasa mendoakan kebaikan bagi Raja yang kita kasihi. Ini kerana mendoakan kebaikan untuk Raja akan membuahkan manfaat dan maslahat yang besar untuk seluruh rakyat dan juga Negara.

# STAKA : WADAH PENDIDIKAN AWAL DALAM BIDANG TILAWAH AL-QURAN



JABATAN Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Sesi Pendaftaran dan Kemasukan Pelajar Baharu STAKA Sesi Pengajian 2026 - 2027 (kiri dan kanan).

terhadap Al-Quran sejak usia kanak-kanak, sekali gus mencungkil dan melahirkan bakat-bakat berpotensi sebagai pelapis qari dan qariah negara pada masa hadapan.

Sehubungan itu, pagi tadi, JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Sesi Pendaftaran dan Kemasukan Pelajar Baharu STAKA Sesi Pengajian 2026 - 2027, bertempat di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, di ibu negara.

Pengambilan yang julung-julung kalinya diadakan berkenaan melibatkan seramai 125 pelajar yang terdiri daripada 42 kanak-kanak lelaki dan 83 kanak-kanak perempuan yang



telah berjaya diterima mengikuti skim berkenaan selepas melalui proses temu duga yang diadakan pada September 2025.

Sesi pendaftaran diisikan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Bahagian Pelajaran Lanjutan, JPI, Dayang Hajah Surinah binti Haji Kula, dan juga sesi taklimat yang disampaikan

oleh Ketua Unit Tilawah Al-Quran, Bahagian Pelajaran Lanjutan, JPI, Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli.

Pelajar-pelajar STAKA yang diterima masuk akan mengikuti sesi pembelajaran selama dua tahun pada setiap Jumaat dan Ahad sepanjang penggal persekolahan.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 16 Januari. - Jabatan Pengajian Islam (JPI) melakar sejarah dengan memperkenalkan wadah pendidikan awal dalam bidang tilawah Al-Quran yang dikenali sebagai Skim Tilawah Al-Quran Kanak-kanak (STAKA)

bermula awal tahun ini.

Antara matlamat STAKA diwujudkan adalah bagi memberikan latihan dan bimbingan awal kepada pelajar-pelajarnya berkaitan ilmu tilawah Al-Quran, dikir dan tausyeh, di samping memupuk minat kecintaan

## 25 pelajar tamatkan Program Qalbun Salim

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Azmah Haji Ahad

**PULAIE,** Rabu, 14 Januari. - Seramai 25 orang pelajar yang terdiri daripada tujuh orang pelajar perempuan dan 18 orang pelajar lelaki menyertai Program Qalbun Salim anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Penyebaran Dakwah (Kursus) dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Para peserta terdiri daripada murid-murid Darjah V dan VI daripada lima buah sekolah ugama iaitu Sekolah Ugama Puser Ulak, Kawasan Brunei I; Sekolah Ugama Raja Isteri Fatimah, Kawasan Brunei I; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Kawasan Brunei IIA; Sekolah Ugama Madang, Kawasan Brunei IIA; dan Sekolah Ugama Delima Satu, Kawasan Brunei IIB.

Sepanjang program berlangsung, para peserta dibimbing oleh pegawai dan kakitangan daripada Bahagian Penyebaran Dakwah, PDI.

Antara pengisian program meliputi Ice Breaking; pengukuhan Aqidah; Taharah termasuk praktikal wuduk dan tayamum; akhlak; serta pelbagai aktiviti pembelajaran yang bersifat interaktif.

Penganjuran program ini antara

lain bertujuan untuk memberikan kesedaran tentang pegangan akidah yang betul, mendedahkan kepentingan berakhlak dengan akhlak Islam yang terpuji kepada para pelajar serta menimbulkan kesedaran dalam menghayati dan mengamalkan ibadat dengan sempurna menurut ajaran Islam.

Program ini dilaksanakan selama tiga hari bermula 12 hingga 14 Januari 2026 bertempat di Dewan Serbaguna, PDI.

Manakala Majlis Penutup Program Qalbun Salim yang diadakan petang tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan wakil peserta Program Qalbun Salim.

Seterusnya, penyampaian sijil kepada para peserta yang disempurnakan oleh Pemangku Penolong Ugama Kanan, Pengiran Norhayati binti Pengiran Kasharan, dan majlis diakhiri dengan bacaan Surah Al-Asr dan Tasbeih Al-Kaffarah.

PDI, KHEU berharap agar pelaksanaan program ini dapat memberikan manfaat serta nilai tambah kepada para pelajar dalam menghadapi kehidupan sebagai seorang pelajar, di samping membentuk keimanan yang mantap serta dapat mengamalkan ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



SERAMAI 25 pelajar menyertai Program Qalbun Salim yang diadakan di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) (atas). Manakala gambar bawah kiri, Pemangku Penolong Ugama Kanan, Pengiran Norhayati binti Pengiran Kasharan menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta.



# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 1.'Peranan 1K1P dalam Memperkasakan Komuniti Kampung'. Tarikh Tutup : 21 Januari 2026
- 2.'Ancaman Berita Palsu terhadap Generasi Digital'. Tarikh Tutup : 28 Januari 2026
- 3.'Kesan Pelaburan Asing Terhadap Ekonomi Tempatan'. Tarikh Tutup : 4 Februari 2026

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# KEPIMPINAN SEBENAR BERMULA DENGAN KEUPAYAAN MEMIMPIN DIRI

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami



LEFTENAN Awang Muhammad Fikri Aiman bin Hazman bersama ahli keluarga beliau semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

**TANAH JAMBU**, Khamis, 15 Januari. – Setelah mengharungi latihan ketenteraan intensif Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan (AP) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selama 48 minggu dengan menerapkan nilai-nilai teras dalam jiwa dan raga para pegawai kadet demi menuju satu matlamat utama agar tanah air di mana kita berpijak ini tetap kukuh, teguh dan kekal dalam keamanan dan kedamaian di bawah limpahan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, maka hari ini satu lagi detik penuh bersejarah apabila seramai 50 pegawai kadet telah diraikan dalam Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-24, Sekolah Pegawai Kadet, AP ABDB.

Upacara Sovereign's Parade yang berlangsung di Padang Kawad AP ABDB, Kampung Tanah Jambu berkenaan merupakan kemuncak latihan ketenteraan intensif Sekolah Pegawai Kadet, AP ABDB yang bertujuan untuk melengkapkan pegawai-pegawai yang baharu ditauliahkan dengan ilmu pengetahuan, disiplin, profesionalisme dan kemahiran kepimpinan sebagai asas perkhidmatan mereka pada masa hadapan.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei selepas Upacara Sovereign's Parade berkenaan,

Leftenan Dayang Nur Amanina binti Ismail selaku penerima Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) menyatakan Anugerah Pedang Kehormatan berkenaan merupakan anugerah penghormatan tertinggi yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada pegawai kadet dan ia merupakan simbol kecemerlangan terbaik secara keseluruhan bagi pegawai kadet yang mempunyai pencapaian tertinggi dalam latihan asas ketenteraan, akademik, fizikal dan dalam semua aspek kepimpinan.

Beliau antaranya mengungkapkan perasaan pastinya bercampur antara syukur, bangga dan rendah diri. Sekolah Pegawai Kadet, AP ABDB berkenaan telah menguji had fizikal, mental dan emosinya dan menamatkan latihan merupakan satu amanah besar. Ia bukan sekadar pencapaian peribadi, tetapi permulaan tanggungjawab yang lebih besar sebagai seorang pegawai.

"Dengan penganugerahan Anugerah Pedang Kehormatan ini bukan sahaja satu penghormatan yang amat tinggi tetapi ia juga peringatan mengenai tanggungjawabnya untuk memimpin dengan integriti dan berkhidmat dengan dedikasi.

"Ia mendorong saya untuk terus berusaha dalam mencapai kecemerlangan dan memberikan inspirasi kepada orang lain untuk melakukan perkara yang sama," jelas Leftenan Dayang Nur Amanina.

Menyentuh mengenai pengalaman sepanjang berada di Sekolah Pegawai Kadet, AP ABDB, beliau berkata ia banyak mengajar tentang disiplin bukan hanya mematuhi arahan, tetapi konsistensi dalam tindakan walaupun tanpa pengawasan.

Tanggungjawab pula tambahannya, bermaksud bersedia memikul kesan setiap keputusan demi pasukan dan misi yang diamanahkan.

"Kerjaya ini menuntut ketahanan, disiplin dan keikhlasan. Nasihat saya, masuklah dengan niat yang betul, bersedia untuk ditegur dan dibentuk, serta jangan pernah berhenti belajar.

"Kepimpinan sebenar adalah bermula dengan keupayaan memimpin diri sendiri," ucapnya di akhir temu bual.

Sementara itu, Leftenan Awang Muhammad Fikri Aiman bin Hazman yang turut berkesempatan ditemu bual oleh Pelita Brunei apabila diajukan

persoalan mengenai siapakah yang memberi dorongan dan motivasi untuk menceburi bidang ketenteraan, beliau menjelaskan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala pastinya tanpa adanya sokongan teguh daripada ahli keluarga, tidak adalah beliau dalam bidang tentera ini.

"Sepanjang latihan di sekolah ini, mereka selalu memberi semangat dan kata-kata motivasi untuk tidak berputus asa dengan segala cabaran yang diberikan," jelasnya.

"Kepada para pelatih, tanpa titik peluh dan usaha mereka, maka tidak ada ilmu-ilmu yang diberikan. Itu semuanya datang daripada para pelatih dan jurulatih serta pegawai-pegawai, dan mereka sanggup bertungkus-lumus tidak mengira masa untuk mengajar kami," katanya lagi.

Ketika mengulas mengenai nasihatnya kepada golongan belia yang ingin menceburi bidang ketenteraan, Leftenan Awang Muhammad Fikri Aiman menyatakan

bagi mereka yang mempertimbangkan kerjaya ketenteraan, mereka harus bersedia untuk menghadapi cabaran fizikal dan mental, bersedia untuk memberikan komitmen yang tidak berbelah-bahagi serta berusaha untuk kecemerlangan dalam semua usaha mereka.

"Golongan belia yang ingin menceburi bidang ketenteraan perlu berani mengadaptasi terhadap apa juga cabaran dan sentiasa menyemai semangat disiplin yang tinggi kerana di Sekolah Pegawai Kadet, kita dibina untuk menjadi sebagai pemimpin selain menerapkan nilai-nilai teras ABDB, iaitu setia, takwa, berani dan profesional.

"Ingat, ia bukan hanya tentang pemenuhan peribadi, ia tentang berkhidmat untuk tujuan yang lebih besar, untuk negara kita," ujarinya lagi.



DAYANG Nur Amanina binti Ismail selaku penerima Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour).



**BDMD**  
Brunei Darussalam  
Meteorological  
Department



## ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

 bruneiweather
  @brunei.weather
  Weather Line 114
  www.met.gov.bn



# قَبُوكَا ن بِلِيَق

# رَامْبُوت مَوْلِيَا رَسُولِ اللّٰهِ ﷺ

## PEMBUKAAN BILIK RAMBUT MULIA RASULULLAH ﷺ

# سَمَقْنَا سَمْبُوتِن اِسْرَاءُ مَعْرَاجٍ

”سَمْبِيخْ تَرَس مَوْدَل اِنْسَان چَمْرَلُغ“

## SEMPENA SAMBUTAN ISRA' & MIRAJ

"SEMBAHYANG TERAS MODAL INSAN CEMERLANG"

DIBUKAKAN UNTUK KUNJUNGAN ORANG RAMAI SELAMA

# 3 HARI

SABTU - ISNIN

27 - 29 REJAB 1447

17 - 19 JANUARI 2026

9:00 pagi - 5:00 petang

WAKTU KAUNTER TIKET

8:30 PAGI HINGGA 4:00 PETANG

TEMPAH TIKET AWDA DI SINI



NOTA : TIKET LAWATAN BOLEH DIBELI LEBIH AWAL. TIDAK MEMPUYAI TARIKH LUPUT. DAN SAH DIGUNAKAN SEKALI.

 BKISHHB.BN
  BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

 WWW.BKISHHB.GOV.BN
  +673 8153267



قَلْبًا بَرُونِي  
FELTA BRUNEI



فلیتا برونی  
FLITA BRUNI




**Palita Brunei**  
 PALITA BRUNEI

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
3 Februari 2026  
Jam 2.00 Petang

PERINGATAN

1. BAKI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".

2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAJAI DAN KAKITANGAN KERAJIAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAMAJA.

3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)




**قليتا بروني**  
 PETITA BRUNEL



# MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Di Dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.  
BCY / CP / 246 / 2021

Bank Islam Brunei Darussalam  
Berhad  
Pemiutang / Pemetisyen

Awang Mohammad Adeni Bin  
Salleh  
[Kad Pengenal Brunei No.  
00-281563 – BYIC]  
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **18 Disember 2025**.

**Nama dan alamat Bankrap:**  
**Awang Mohammad Adeni Bin**  
**Salleh,**  
No. 116, Simpang 116,  
Kampung Tanah Burok  
Penanjong,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**  
24 November 2025

Semua sipiutang-sipiutang kepada  
Bankrap yang tersebut di atas  
hendaklah menghadapkan  
Borang-Borang Bukti Hutang yang  
boleh diperolehi di **Pejabat**  
**Pegawai Penerima Rasmi**  
dengan seberapa yang boleh.  
Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar oleh Bankrap  
tersebut di atas hendaklah  
dihadapkan kepada **Pegawai**  
**Penerima Rasmi, Tingkat Dua,**  
**Bangunan Mahkamah Besar,**  
**Bandar Seri Begawan, Negara**  
**Brunei Darussalam.**

**Tarikh:**  
18 Disember 2025

**Muhammad Syafiq Bin Awang**  
**Haji Zakaria**  
**Timbalan Pegawai Penerima**  
**Rasmi**  
**B/P Penerima Rasmi**  
**Mahkamah Besar**

Kes No.  
BCY / CP / 252 / 2024

**Perbadanan Tabung Amanah**  
**Islam Brunei**  
**Pemiutang Penghakiman /**  
**Pemetisyen**

**Pengiran Mohammad Bin**  
**Pengiran Haji Kula**  
**BYIC No. 00-067424**  
**Penghutang Penghakiman /**  
**Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **22 Februari 2025**.

**Nama dan alamat terakhir**  
**diketahui:**  
**Pengiran Mohammad Bin**  
**Pengiran Haji Kula**  
No. 5, Simpang 18,  
Jalan Parak,  
RPN Kampung Panaga, Seria,  
KB4533,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
5 November 2024

Semua sipiutang-sipiutang kepada  
nama Penghutang yang tersebut  
di atas hendaklah menghadapkan  
borang-borang bukti hutang yang  
boleh diperolehi di **Pejabat**  
**Pegawai Penerima Rasmi**  
dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut diatas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,**  
**Tingkat Dua, Bangunan**  
**Mahkamah Besar, Bandar Seri**  
**Begawan, Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**  
18 Disember 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk**  
**Perjumpaan Pertama**

Di Bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **22 Februari 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
Pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan di  
**Pejabat Pegawai Penerima**  
**Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-17),**  
**Mahkamah Besar pada 24**  
**Januari 2026, jam 9.15 Pagi.**  
Bagi membolehkan kamu  
mengundi disana bukti-bukti kamu  
mestilah diserahkan-simpan kepada  
saya tidak lewat dari 24 jam  
sebelum waktu yang ditetapkan  
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan  
digunakan di perjumpaan ini  
mestilah diserahkan-simpan kepada  
saya tidak lewat dari 24 jam  
sebelum waktu yang telah  
ditetapkan bagi perjumpaan ini.  
Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada **24 Januari 2026, jam 9.15**  
**Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang  
yang telah menyerahkan bukti,  
atau wakil-wakilnya yang diberi  
kuasa secara bertulis, bolehlah  
menyoal penghutang semasa  
pemeriksaan awam penghutang,  
mengenai dengan hal-halnya dan  
juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
18 Disember 2025

Kes No.  
BCY / CP / 14 / 2013

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**  
**(Previously Filed By The**  
**HSBC Limited)**  
**Pemiutang Penghakiman /**  
**Pemetisyen**

**Mazlan Bin Manaf**  
**(BYIC NO. 00-122300)**  
**Penghutang Penghakiman /**  
**Penentang**

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa  
Perintah Penerimaan yang dibuat  
terhadap Penghutang berikut  
pada **18 Julai 2013 telah**  
**dibatalkan pada 17 Mei 2025.**

**Nama Penghutang:**  
Mazlan Bin Manaf

**Alamat Penghutang:**  
Barek 421, B8, Simpang 198,  
Lorong 3 Selatan, Seria KB1533,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
17 Disember 2025

**Syarikat (Penggulungan)**  
**Bilangan BCY / ICWP / 10 / 2025**

**Dalam Perkara Akta Perintah**

**Insolvensi, Cap. 247**

**Dan**

**Dalam Perkara Rofina**  
**Enterprise (B) Sdn Bhd**

**Insolvensi (Penggulungan)**  
**[Aturan 35(1){C}]**

**Nama Syarikat:**  
**Rofina Enterprise (B) Sdn Bhd**

**Alamat Pejabat Berdaftar:**  
No. 8, Simpang 145,  
Jalan Berakas,  
Kampung Serusop, Berakas A,  
Brunei Muara BB2313,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Perintah Penggulungan:**  
27 November 2025

**Tarikh dan Tempat Perjumpaan:**  
28 Januari 2026 jam 9.45 Pagi  
Tingkat 2 (L2-17),  
Pejabat Pegawai Rasmi,  
Mahkamah Besar,  
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak  
Saleha,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**  
17 Disember 2025

**Syarikat (Penggulungan)**  
**Bilangan BCY/ICWP/10/2025**

**Dalam Perkara Akta Perintah**  
**Insolvensi, Cap. 247**

**Dan**

**Dalam Perkara Rofina**  
**Enterprise (B) Sdn Bhd**

**Notis Perjumpaan Pertama**  
**Pemiutang**

Di bawah Perintah Penggulungan  
bertarikh **27 November 2025**

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa Perjumpaan Pertama  
Pemiutang mengenai perkara di  
atas akan diadakan di **Pejabat**  
**Pegawai Penerima Rasmi,**  
**Tingkat 2 (L2-17),**  
**Mahkamah Besar,**  
**Bandar Seri Begawan,**  
**Brunei Darussalam pada 28**  
**Januari 2026 jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu  
mengundi disana bukti-bukti  
hutang kamu mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang telah ditetapkan bagi  
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan  
digunakan di perjumpaan ini  
mestilah diserahkan-simpan kepada  
saya tidak lewat dari 24 jam  
sebelum waktu yang telah  
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

**Bertarikh:**  
17 Disember 2024

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli**  
**Timbalan Pegawai Penerima**  
**Rasmi**  
**B/P Penerima Rasmi**  
**Mahkamah Besar**

Kes No.  
BCY / CP / 257 / 2022

**Bank Islam Brunei Darussalam**  
**Berhad**  
**Pemiutang / Pemetisyen**

**Ahmad Munir DSS Dr. Hj Besar**  
**[Kad Pengenal Brunei No.**  
**00-280928 – BYIC]**  
**Penghutang / Penentang**

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman

telah dibuat terhadap  
Penghutang yang berikut pada  
**20 Disember 2025.**

**Nama dan alamat Bankrap:**  
**Ahmad Munir DSS Dr. Hj Besar,**  
No. 13, Simpang 154,  
Kampung Manggis Satu,  
Jalan Madang BE3515,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**  
27 November 2025

Semua sipiutang-sipiutang kepada  
Bankrap yang tersebut di atas  
hendaklah menghadapkan  
Borang-Borang Bukti Hutang yang  
boleh diperolehi di Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi dengan  
seberapa yang boleh. Semua  
hutang-hutang yang seharusnya  
dibayar oleh Bankrap tersebut di  
atas hendaklah dihadapkan  
kepada **Pegawai Penerima**  
**Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan**  
**Mahkamah Besar, Bandar Seri**  
**Begawan, Negara Brunei**  
**Darussalam.**

**Tarikh:**  
24 Disember 2025

**Muhammad Syafiq Bin Awang**  
**Haji Zakaria**  
**Timbalan Pegawai Penerima**  
**Rasmi**  
**B/P Penerima Rasmi**  
**Mahkamah Besar**

Kes No.  
BCY / CP / 285 / 2024

**Bank Islam Brunei Darussalam**  
**Berhad**  
**Pemiutang Penghakiman /**  
**Pemetisyen**

**Hamzah Bin Haji Abd Latif**  
**BYIC No. 00-301774**  
**Penghutang Penghakiman /**  
**Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **22 November 2025**.

**Nama dan alamat terakhir**  
**diketahui:**  
**Hamzah Bin Haji Abd Latif**  
No. 3, Simpang 67,  
Jalan Kemangsi Timur,  
RPN Meragang,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
9 Disember 2024

Semua sipiutang-sipiutang kepada  
nama Penghutang yang tersebut  
didas hendaklah menghadapkan  
borang-borang bukti hutang yang  
boleh diperolehi di Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi dengan  
seberapa boleh. Semua  
hutang-hutang yang seharusnya  
dibayar kepada Penghutang  
tersebut diatas hendaklah  
dihadapkan kepada **Pegawai**  
**Penerima Rasmi, Tingkat Dua,**  
**Bangunan Mahkamah Besar,**  
**Bandar Seri Begawan, Brunei**  
**Darussalam.**

**Bertarikh:**  
24 Disember 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk**  
**Perjumpaan Pertama**

Di Bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **22 November 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
Pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan di  
**Pejabat Pegawai Penerima**  
**Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9),**  
**Mahkamah Besar pada 2 Mac**

**2026, jam 9.30 Pagi.** Bagi  
membolehkan kamu mengundi  
disana bukti-bukti kamu mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Proksi-proksi yang akan  
digunakan di perjumpaan ini  
mestilah diserahkan-simpan kepada  
saya tidak lewat dari 24 jam  
sebelum waktu yang telah  
ditetapkan bagi perjumpaan ini.  
Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada **2 Mac 2026, jam 9.30 Pagi**  
**di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang  
yang telah menyerahkan bukti,  
atau wakil-wakilnya yang diberi  
kuasa secara bertulis, bolehlah  
menyoal penghutang semasa  
pemeriksaan awam penghutang,  
mengenai dengan hal-halnya dan  
juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
24 Disember 2025  
**Nuuror-Raheebah Binti**  
**Haji Abd Wahab**  
**Timbalan Pegawai Penerima**  
**Rasmi**  
**B/P Penerima Rasmi**  
**Mahkamah Besar**

Kes No.  
BCY / CP / 217 / 2024

**Baiduri Finance Berhad**  
**Pemiutang Penghakiman /**  
**Pemetisyen**

**Mohammad Rihan Bin**  
**Mohammad Rusdi**  
**BYIC No. 00-312589**  
**Penghutang Penghakiman /**  
**Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **13 Disember 2025**.

**Nama dan alamat terakhir**  
**diketahui:**  
**Mohammad Rihan Bin**  
**Mohammad Rusdi**  
No. 8, Simpang 1227-8,  
Kampung Amo 'C',  
Jalan Batang Duri, Temburong,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
22 September 2024

Semua sipiutang-sipiutang kepada  
nama Penghutang yang tersebut  
didas hendaklah menghadapkan  
borang-borang bukti hutang yang  
boleh diperolehi di Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi dengan  
seberapa boleh. Semua  
hutang-hutang yang seharusnya  
dibayar kepada Penghutang  
tersebut diatas hendaklah  
dihadapkan kepada **Pegawai**  
**Penerima Rasmi, Tingkat Dua,**  
**Bangunan Mahkamah Besar,**  
**Bandar Seri Begawan, Brunei**  
**Darussalam.**

**Bertarikh:**  
16 Disember 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk**  
**Perjumpaan Pertama**

Di Bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh 13 Disember 2025.



**MAHKAMAH BESAR  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

>> Muka 22

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-12), Mahkamah Besar pada 2 Februari 2026, jam 9.00 Pagi.** Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini. Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **2 Februari 2026, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
16 Disember 2025

**Nur Saryi Syahmina Binti Haji Jaffri**  
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**  
**B/P Penerima Rasmi**  
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**  
**BCY / CP / 311 / 2019**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**

**Pemiutang Penghakiman / Pemetisyan**

**Salmiah Binti Haji Othman (BYIC NO. 00-250248)**  
**Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **13 Februari 2020 telah dibatalkan pada 13 Disember 2025.**

**Nama Penghutang:**  
Salmiah Binti Haji Othman

**Alamat Penghutang:**  
No. 94, Simpang 1426,  
Kampung Wasan,  
Jalan Batang Mitus,  
Negara Brunei Darussalam.  
Bertarikh: 15 Disember 2025

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**  
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**  
**B/P Penerima Rasmi**  
**Mahkamah Besar**



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada**  
**Pemborong-pemborong**  
**Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**  
III sahaja

**Kategori:**  
B01, KA01 DAN E01

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSBM001 / 2026

**Bil. Projek:**  
2026DBSBM / JKR.01

**Nama Projek:**  
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (52 Minggu) Bagi Unit Kosong Flat Sinarubai dan Blok EF Beribi Di Bawah Kawalan JKR, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
20 Januari 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
3 Februari 2026  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.



**JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tajuk Sebut Harga:**

RTB / K / 144 / 25 – 26

**Grass Cutting For Radio  
Television Brunei Tutong  
Branch For A Period Of  
Seventeen (17) Months**

**Bayaran Yuran:**

(Termasuk e-dokumen):

BND5.00

(Tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas:**

(Hardcopy):

BND5.00

(Jika perlu dan tidak  
dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**

Rabu,

21 Januari 2026

Jam 2.00 Petang



**PUSAT PEKERJAAN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**

PPB / CSSU / SST / TK25 - 26 / SB1

**Tajuk Tawaran:**

Tawaran Bagi Mengendalikan  
Kursus Soft Skills Communicate  
With Impact

**Bilangan Tawaran:**

PPB / CSSU / SST / TK25 – 26 / SB2

**Tajuk Tawaran:**

Tawaran Bagi Mengendalikan  
Kursus Soft Skills Public Speaking

**Bilangan Tawaran:**

PPB / CSSU / SST / TK25 – 26 / SB3

**Tajuk Tawaran:**

Tawaran Bagi Mengendalikan  
Kursus Soft Skills Customer  
Service Excellence

**Bilangan Tawaran:**

PPB / CSSU / SST / TK25 – 26 / SB4

**Tajuk Tawaran:**

Tawaran Bagi Mengendalikan  
Kursus Soft Skills Career Starter:  
Getting Job Ready

**Bilangan Tawaran:**

PPB / CSSU / SST / TK25 – 26 / SB5

**Tajuk Tawaran:**

Tawaran Bagi Mengendalikan  
Kursus Soft Skills Introduction To  
AI For Jobseekers

**Bilangan Tawaran:**

PPB / CSSU / SST / TK25 – 26 / SB6

**Tajuk Tawaran:**

Tawaran Bagi Mengendalikan  
Kursus Soft Skills Professional  
Presence & Etiquette

**Bilangan Tawaran:**

PPB / CSSU / SST / TK25 – 26 / SB7

**Tajuk Tawaran:**

Tawaran Bagi Mengendalikan  
Kursus Soft Skills Problem Solving  
At Work

**Bilangan Tawaran:**

PPB / CSSU / SST / TK25 – 26 / SB8

**Tajuk Tawaran:**

Tawaran Bagi Mengendalikan  
Kursus Soft Skills Workplace  
Resilience & Stress Management

**Bilangan Tawaran:**

PPB / CSSU / SST / TK25 – 26 / SB9

**Tajuk Tawaran:**

Tawaran Bagi Mengendalikan  
Kursus Soft Skills Effective Team  
Player

**Yuran Tawaran:**

BND 5.00  
(Tidak dikembalikan dan dibayar  
melalui BIBD Online)

**Tarikh Buka Tawaran**  
Rabu, 7 Januari 2026

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
21 Januari 2026  
2.00 Petang



**KEMENTERIAN  
HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Bilangan Dan**

**Tajuk Tawaran:**

MFA / ICT / 2026 / T1

Data Centre Hardware Extended  
Warranty & License Renewal  
With One Year Maintenance And  
Support

**Tarikh**

**Tutup Tawaran:**

Selasa,

20 Januari 2026

Jam 2.00 Petang



**Bilangan Dan**

**Tajuk Tawaran:**

MFA / ICT / 2026 / T2

The Subscription and License  
Renewal for Email Security  
Appliance and Load Balancer  
Services

**Tarikh**

**Tutup Tawaran:**

Selasa,

20 Januari 2026

Jam 2.00 Petang



**Bilangan Dan**

**Tajuk Tawaran:**

MFA / ICT / 2026 / T3

VMWARE License  
Subscription for  
One (1) Year at Ministry  
Of Foreign Affairs

**Tarikh**

**Tutup Tawaran:**

Selasa,

20 Januari 2026

Jam 2.00 Petang



# 402 PELAJAR BAHARU PB IKUTI MINGGU ORIENTASI



## Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

**LAMBAK KANAN**, Rabu, 14 Januari. - Politeknik Brunei (PB) menerima kemasukan seramai 402 pelajar baharu bagi Pengambilan Ke-15 (Pengambilan Kedua), Sesi Januari 2026, Tahun Akademik 2025 / 2026.

Daripada jumlah tersebut, 199 terdiri daripada pelajar perempuan dan 203 orang terdiri daripada pelajar lelaki.

Sehubungan itu, Minggu Orientasi Pelajar PB Pengambilan Ke-15 (Pengambilan Kedua), Sesi Januari 2026, Tahun Akademik 2025 / 2026, sedang berlangsung selama tiga hari bermula dari 13 hingga 15 Januari 2026 bertempat di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (atau Lifelong Learning Centre, L3C), Lambak Kanan, di

sini.

Para pelajar akan menjalani pembelajaran di bawah 12 program Diploma Tahap 5, di bawah empat buah sekolah : Sekolah Perniagaan, Sekolah Komunikasi dan Teknologi Maklumat, Sekolah Sains dan Kejuruteraan dan Sekolah Petrokimia.

Majlis dimulakan dengan kehadiran pelajar-pelajar baharu, diikuti oleh kedatangan Ahli-ahli Senat PB dan tetamu kehormat, Pemangku Pengarah PB, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman.

Acara kemuncak Minggu Orientasi pada pagi itu ialah ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah, PB yang antara lain

mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar yang telah berjaya masuk ke PB.

Beliau juga memberi kesempatan untuk mengumumkan penempatan pelajar-pelajar kohort pertama bagi Program Latihan Antarabangsa PB dan PB Intern.X ke Malaysia.

Majlis diikuti dengan bacaan lafaz ikrar oleh pelajar-pelajar baharu pengambilan ke-15, Sesi Januari 2026, Tahun Akademik 2025 / 2026, yang diketuai oleh Awang Kaseh Ikhwani Afif Jazimin bin Muhammad Rosdi, pelajar Diploma Tahap 5 dalam Program Kejuruteraan Mekanikal, Sekolah Sains dan Kejuruteraan, PB, bersama 19 orang pelajar-pelajar pengambilan ke-15.

Tujuan utama Majlis Minggu Orientasi ini diadakan adalah

sebagai persediaan pelajar-pelajar menjalani pembelajaran dalam persekitaran baharu.

Minggu Orientasi pada tahun ini diisi dengan beberapa taklimat, sesi kongsi sama dan juga aktiviti-aktiviti kepimpinan dan kerohanian dan bengkel-bengkel kerjasama yang dapat membantu para pelajar untuk mengenali PB

dengan lebih dekat, menyesuaikan dan memudahkan pelajar-pelajar mengenali rakan-rakan sepejuangan mereka dan dapat memberikan gambaran kehidupan sebagai pelajar di PB.

**SUASANA pada Minggu Orientasi Pelajar Politeknik Brunei (PB) Pengambilan Ke-15 (Pengambilan Kedua), Sesi Januari 2026, Tahun Akademik 2025 / 2026 (atas kiri, atas kanan dan kanan).**



## Sokongan keluarga pemangkin kejayaan



**DR. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos** selaku ayah kepada **Leftenan Dya Muhammad Nafis** semasa sesi bergambar ramai (atas). Manakala gambar kanan, Upacara Sovereign's Parade yang berlangsung di Padang Kawad AP ABDB, Kampung Tanah Jambu.

**TANAH JAMBU**, Jumaat, 16 Januari. - Pasti pencapaian pegawai-pegawai kadet yang baharu ditauliahkan semasa berlangsungnya Upacara Sovereign's Parade bagi

Pegawai - pegawai Kadet Pengambilan Ke-24, Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan (AP) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), bukan hanya menjadi kebanggaan bersulam jiwa kesyukuran bagi mereka malah ia juga sebagai satu kebanggaan yang besar bagi para ibu bapa dan ahli keluarga serta sanak saudara yang telah memberikan sokongan dan suntikan semangat ke arah kejayaan selama ini.

Dalam pada itu, bagi menyelami perasaan golongan ibu bapa bagi para pegawai kadet yang diraikan setelah Upacara Sovereign's



Parade berkenaan baru-baru ini, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos selaku ayah kepada Leftenan Dya Muhammad Nafis.

Dr. Haji Mohd Rozan terdahulu meluahkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang mana satu perasaan sangat gembira dan bangga yang sememangnya sukar untuk diungkapkan sepenuhnya ketika menyaksikan anak beliau melakukan perbarisan bersama rakan-rakan sepejuangan yang lain di Padang Kawad AP ABDB, Kampung Tanah Jambu dan menjadi salah seorang pegawai ABDB pada hari itu.

"Maka dari detik penuh

## Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

bersejarah ini pastinya ia menandakan satu amanah dan tanggungjawab yang wajib dituai oleh pegawai-pegawai tentera baharu Negara Brunei Darussalam kita untuk sama-sama menjaga pertahanan negara," ujar beliau.

Dalam kesempatan itu, Dr. Haji Mohd. Rozan turut merakamkan kesyukuran dengan kehadiran Yang Dimulikan Pehin Datu Indera Sugara Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mohammad Yusof bin Abu Bakar dan isteri yang menjadi antara insan-insan yang banyak memberi inspirasi dan motivasi kepada anak beliau sehingga meraih pencapaian sampai ke detik ini.

"Sebelum anak saya menjadi pegawai tentera, antara nasihat yang sering diperingatkan kepadanya ialah untuk menjadi seorang pegawai yang terbaik dan melaksanakan tugas-tugas yang terbaik kerana mereka ini diperlukan untuk menjaga negara.

"Alhamdulillah, apabila saya melihat perkembangan dalam diri anak saya lebih-lebih lagi ketika balik ke rumah setiap dua minggu sekali itu jelas adanya perubahan dari segi disiplin dan sebagainya. Satu kebaikan dapat dilihat setelah mengharungi latihan ketenteraan intensif Sekolah Pegawai Kadet AP ABDB ini," tambah beliau pada akhir temu bual.

## IKLAN

**DynamicsGrow**, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. **Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.**

# RAIH PENGALAMAN BERHARGA BERSAMA QARI TERBAIK DI PERSADA ANTARABANGSA



**AWANG Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abd. Rajid**, baru-baru ini mencipta pencapaian membanggakan apabila berjaya mara ke peringkat separuh akhir Majlis Tilawah Al-Quran Antarabangsa Kali Ke-9 Tahun 2026 di Doha, Qatar (atas, atas kanan dan bawah kanan).

**DOHA, QATAR**, Khamis, 15 Januari. - Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abd. Rajid, baru-baru ini telah mencipta pencapaian membanggakan apabila berjaya mara ke peringkat separuh akhir Majlis Tilawah Al-Quran Antarabangsa Kali Ke-9 Tahun 2026 di Doha, Qatar yang berlangsung bermula 1 hingga 7 Januari 2026.

Majlis Tilawah Al-Quran Antarabangsa berkenaan adalah anjuran Yayasan Budaya Katara Qatar dengan kerjasama Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Qatar.

Pencapaian berkenaan sekali gus menaikkan nama Negara Brunei Darussalam (NBD) di pentas antarabangsa tilawah Al-Quran.

Menurut sumber pihak

penganjur, musabaqah berprestij berkenaan bermula dengan sesi pemilihan saringan awal secara dalam talian yang disertai lebih 1,000 qari dari seluruh dunia.

Seramai 100 qari terbaik terpilih untuk bertanding di Qatar dengan format pertandingan dibahagikan kepada 20 kumpulan, dengan setiap kumpulan terdiri daripada lima peserta.

Antara yang menyertai musabaqah berkenaan adalah para peserta yang pernah menjuarai musabaqah tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia dan yang telah pernah menjuarai musabaqah antarabangsa di Tanzania, Republik Turkiye, Republik Islam Iran dan Iraq.

Dalam undian peringkat kumpulan, peserta negara telah

bersaing bersama qari dari Republik Indonesia, Republik Arab Mesir, Republik Islam Iran dan Maghribi, dan berjaya menampilkan mutu persembahan bacaan yang baik dan terpilih untuk melayakkan diri ke pusingan separuh akhir bersama 25 peserta qari antarabangsa.

Manakala, di peringkat separuh akhir, para peserta diundi secara spontan maqra yang akan dibaca dan membawakan lagu - lagu tarannum mengikut kesesuaian maqra yang dibaca.

Awang Abdul Qawiyel Azeez telah diundi bersama qari dari Republik Turkiye, Iraq, Republik Islam Pakistan dan Maghribi, yang kesemuanya merupakan qari-qari yang dikenali di negara masing-masing.

Seramai lima peserta mara ke

Berita dan Foto : Ihsan Awang Abdul Qawiyel Azeez  
Haji Abd. Rajid



peringkat akhir musabaqah berkenaan, dengan johan pertandingan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah 500,000 Riyal Qatar.

Musabaqah berkenaan akan disiarkan rakamannya sepanjang Ramadan melalui Qatar TV.

Pencapaian berkenaan membuktikan keupayaan serta tahap bacaan Al-Quran peserta negara dan seterusnya meraih

pengalaman yang amat berharga bersaing dengan qari-qari terbaik di persada antarabangsa.

Sebagai rekod, Awang Abdul Qawiyel Azeez merupakan johan qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2023 Masihi dan 2024M dan juga finalis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025M.



## Beri pendedahan asas bidang kemahiran menjahit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 15 Januari. - Seramai tujuh Muslimah dari Kelas Bimbingan Muslimah Masjid yang mewakili zon di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong menyertai Bengkel Jahitan Kurung Moden, bertempat di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Bengkel berkenaan diadakan selama lapan hari, bermula pada 5 Januari 2026 dan difasilitator oleh Pelatih Kursus Kemahiran Rekaan Fesyen Teknologi, PPB, Dayang Agitah binti Haji Lampong.

Turut serta dalam kelas berkenaan, Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil Bengkel Jahitan Kurung Moden telah diadakan pada pagi tadi bertempat di PPB, KKBS.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta, Pegawai Latihan, PPB, KKBS, Awang Haji Saiful Rizal bin Haji Ariffin.

Bengkel berkenaan diumumkan oleh JHEM melalui Bahagian Hal Ehwal

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



**MAJLIS** Penyampaian Sijil Bengkel Jahitan Kurung Moden telah diadakan bertempat di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Muslimah dengan kerjasama PPB, KKBS.

Antara objektif pengajaran bengkel berkenaan ialah untuk memberikan pendedahan asas dalam bidang kemahiran menjahit baju kurung moden kepada para peserta di samping melahirkan individu yang berdaya saing serta berpotensi menjana pendapatan melalui pekerjaan mahupun

secara berdikari dengan menceburi bidang perniagaan jahitan.

Semoga dengan pengajaran kelas seumpama berkenaan akan dapat memberikan kemahiran asas kepada para Muslimah masjid serta komuniti setempat, di samping menjadi nilai tambah kepada kebolehan dan potensi golongan sasaran.

## Pusat Kesihatan Sungai Liang kini alami gangguan perkhidmatan internet

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 15 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa Pusat Kesihatan Sungai Liang kini sedang mengalami gangguan perkhidmatan internet berikutan isu teknikal yang tidak dijangkakan di Pusat Kesihatan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, beberapa perkhidmatan kesihatan di Pusat Kesihatan Sungai Liang telah terjejas kerana sistem Bru-HIMS tidak dapat diakses buat sementara waktu.

Antara perkhidmatan yang terjejas ialah pengambilan contoh darah (Phlebotomy), semakan dan rujukan keputusan ujian makmal, termasuk keputusan darah, X-ray dan saringan kesihatan lain; dan perkhidmatan farmasi pengambilan ubat-ubatan bulanan termasuk pesanan melalui Call & Collect dan Email & Collect.

Bagi memastikan kesinambungan rawatan, pesakit yang memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan adalah dinasihatkan untuk menghadiri pusat-pusat kesihatan yang berdekatan seperti Pusat Kesihatan Kuala Belait atau Pusat Kesihatan Seria ataupun akan dirujuk ke pusat kesihatan terdekat tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan klinikal.

Bagi pesakit yang telah diberikan janji temu (*appointments*) seperti perkhidmatan Klinik Penyakit Kronik (Chronic Disease Clinic), pihak pusat kesihatan akan berusaha untuk mendapatkan keputusan ujian lebih awal bagi memastikan perkhidmatan tidak terjejas.

Kementerian Kesihatan sedang berusaha menangani isu teknikal berkenaan dengan segera dan memohon sebarang maaf atas sebarang kesulitan dan ketidakelesaan yang dialami.

Kefahaman, kerjasama dan kesabaran orang ramai ke arah ini adalah sangat-sangat dihargai.

Bagi sebarang maklumat terkini, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan di [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn), mengikuti media sosial rasmi @mohbrunei atau menghubungi Talian Darussalam 123.

# DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN BBC KE-18



SESI bergambar ramai para ahli Kelab Pemotoran Bersatu@Bersatu Bikers Club (BBC) Negara Brunei Darussalam pada Majlis Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Kelab berkenaan Ke-18 Tahun.

**BERAKAS**, Rabu, 14 Januari. - Kelab Pemotoran Bersatu@Bersatu Bikers Club (BBC) Negara Brunei Darussalam baru-baru ini mengadakan Majlis Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Kelab berkenaan Ke-18 Tahun.

Majlis diadakan di Restoran Harini Berakas dan dihadiri oleh seramai 70 ahli. Hadir ke majlis tersebut ialah Yang Dipertua BBC, BBC 10 Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi.

Turut hadir ialah Yang Dipertua Pertama, BBC 1 Awang Haji Mustapa bin Haji Abd. Kahar; Yang Dipertua Ketiga, BBC 55 Awang Zaini bin Haji Pudir dan Yang Dipertua Ketujuh, BBC 14 Awang Matassan bin Haji Halus; Timbalan Yang Dipertua, BBC 21 Pengiran Mohd. Aderus bin Pengiran Haji Tengah; Setiausaha 1, BBC 18 Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Bakar; Setiausaha 2, BBC 17 Dayang Sarinah binti Zainal Abidin dan Ahli Jawatankuasa Tadbir BBC serta

Ahli BBC.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pengerusi keagamaan dan kerohanian BBC 94 Awang Qadrullah bin Haji Abd. Rahman.

Ucapan alu-aluan daripada Timbalan Yang Dipertua, BBC 21 Pengiran Mohd. Aderus bin Pengiran Haji Tengah dan diikuti dengan Ucapan Khas daripada Yang Dipertua, BBC 10 Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi yang kemudiannya

## ■ Berita dan Foto : Ihsan Kelab Pemotoran Bersatu

menyampaikan cenderahati kenangan kepada BBC 1 Awang Haji Mustapa bin Haji Abd. Kahar yang merupakan Perintis BBC dan juga Yang Dipertua pertama BBC Sesi 2008-2010.

Majlis turut diserikan dengan ucapan ringkas daripada Yang Dipertua-Yang Dipertua BBC yang pernah memegang jawatan sebelum Sesi 2025-2027.

Majlis Pengisytiharan nombor

keahlian BBC disempurnakan oleh Perintis, BBC 1 Awang Haji Mustafa bin Haji Abd Kahar dan diteruskan dengan penyampaian penghargaan kepada semua ahli BBC yang hadir disempurnakan oleh Yang Dipertua Pertama, BBC 1 dan diakhiri dengan bacaan doa selamat Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh BBC 94 Awang Qadrullah bin Haji Abd Rahman.

## Burung Enggang Oriental

### Nama Binatang :

Burung Enggang Oriental

### Nama Saintifik :

Anthracoceros albirostris

### Kelas Spesies : Birds

**Maklumat disediakan oleh :** Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**S**ALAH satu spesies burung paling ikonik dan menawan yang hidup di hutan *kitani* - Burung Enggang Oriental, atau dikenali juga sebagai Oriental Pied Hornbill.

Burung ini dikenali dengan nama saintifik *Anthracoceros albirostris* dan boleh ditemui di pelbagai kawasan di Asia Selatan dan Asia Tenggara, termasuk India, Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Borneo, Jawa dan Sulawesi. Ia hidup dalam pelbagai habitat seperti hutan tropika yang tebal, hutan sekunder hingga ke kawasan perladangan. Burung Enggang Oriental berukuran antara 55 hingga 75 sentimeter (cm) panjang, dengan bukaan sayap kira-kira 36cm dan berat sekitar 600 hingga 1,050 gram. Burung jantan mempunyai paruh besar berwarna kuning pucat, manakala burung betina mempunyai paruh yang sedikit kecil. Kedua-duanya dihiasi dengan bulu hitam berkilat serta tompokan putih kebiruan pada muka dan tekak. Menariknya, mata Kenyalang jantan berwarna merah terang, manakala betina mempunyai rona mata coklat kelabu. Burung muda pula menyerupai yang dewasa tetapi dengan paruh yang lebih kecil

### Nama Tempatan :

Likap

### Order : Bucerotiformes

### IUCN : Kurang Dikhuatiri

### CITES : Apendiks II

dan warna bulu yang kurang menyerlah. Dan kalau anda terdengar bunyi seperti anak anjing kecil menyalak 'kek kek kuck kuck', besar kemungkinan ia datang daripada Burung Enggang Oriental ini!

Dari segi pemakanan, Burung Enggang Oriental sangat menggemari buah-buahan seperti ara, rambutan, betik dan buah palma. Ia juga memakan serangga, cicak kecil, burung kecil, katak, malah ikan. Ketika tidak membiak, burung ini biasanya merayau dalam kumpulan untuk mencari buah-buahan hutan. Pada musim pembiakan, ia memilih buah-buahan bernutrisi tinggi dan serangga untuk menyuap anak-anaknya. Apabila burung ini memakan buah-buahan, biji benih yang dibawanya tersebar ke kawasan lain - menjadikannya penyebar benih semula jadi yang membantu pertumbuhan pokok baharu. Pendek kata, Burung Enggang Oriental adalah 'penjaga dan penyubur hutan' *kitani*!

Tahukah awda, Burung Enggang Oriental sebenarnya antara pasangan paling romantik di dalam hutan? Spesies unik ini hanya memilih satu pasangan untuk seumur hidup - satu bukti kesetiaan yang luar biasa di alam semula jadi.

Musim pembiakan mereka bermula sekitar bulan Februari, ketika hujan mula turun dan buah-buahan di hutan berada

pada tahap paling manis dan ranum. Menariknya, Burung Enggang tidak membina sarang sendiri. Sebaliknya, mereka memanfaatkan lubang pokok semula jadi - sama ada yang ditinggalkan oleh burung lain atau yang terbentuk akibat dahan yang patah. Apabila si betina menemui sarang yang sesuai, dia akan menutup pintu masuk sarang menggunakan campuran air liur, lumpur, buah, najis dan kulit pokok - hanya meninggalkan satu lubang kecil. Dari lubang inilah si jantan yang setia akan menghantar makanan kepada pasangan dan anak-anak di dalam sarang.

Sepanjang tempoh ini, burung jantan berulang-alik tanpa henti, memastikan keluarganya sentiasa cukup makan. Anak Burung Enggang pula akan tinggal di dalam sarang selama beberapa bulan, sehingga cukup kuat untuk terbang keluar dan meneroka dunia. Lebih menarik lagi, banyak pasangan Enggang akan kembali ke sarang yang sama pada musim pembiakan seterusnya. Keunikan cara hidup Burung Enggang Oriental ini bukan sahaja memperlihatkan naluri keibubapaan yang sangat kuat, malah membuktikan bahawa kesetiaan, kerjasama dan kasih sayang adalah sebahagian penting dalam keseimbangan ekosistem hutan kita.

Burung Enggang Oriental bukan sahaja unik, malah dilindungi di peringkat antarabangsa dan tempatan. Spesies ini disenaraikan di bawah Lampiran II Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora dan Fauna Liar Terancam, atau lebih dikenali sebagai CITES, bagi mengawal perdagangannya dan memastikan populasinya terus kekal stabil. Di peringkat global pula, Burung Enggang Oriental tersenarai dalam



## ■ Sumber Foto : Bahrin Yusoff, BWPC 2022, JPH

Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam, atau IUCN, dengan status Kebimbangan Rendah atau Least Concern. Ini menunjukkan bahawa populasinya masih stabil di seluruh kawasan taburannya, dan ia terus memainkan peranan penting dalam mengekalkan kesihatan ekosistem hutan.

Di Brunei Darussalam, Burung Enggang Oriental turut dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar, Penggal 102. Akta ini melarang sebarang aktiviti menangkap, memiliki atau memperdagangkan spesies ini

tanpa kebenaran. Langkah perlindungan ini amat penting bagi memastikan Burung Enggang Oriental terus kekal selamat dan dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunei*.

'Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara Hutan Kitani...'

# PENARIKAN BALIK 5 PRODUK FORMULA NESTLÉ NAN

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 15 Januari. - Merujuk kepada notis penarikan balik produk makanan yang sedang diedarkan dan dikeluarkan oleh pihak berkuasa keselamatan makanan di sebuah negara jiran berkaitan beberapa pengeluaran produk formula anak damit dan formula susulan Nestlé NAN berikutan kemungkinan pencemaran toksin cereulide, Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA) mengesahkan bahawa hasil daripada penglibatan proaktif dengan Rangkaian Pihak Berkuasa Keselamatan Makanan Antarabangsa (International Food Safety Authorities Network - INFOSAN) serta perundingan dengan pengimport rasmi tempatan, jenama yang terlibat tidak diimport secara komersial ke dalam negara ini.

Walau bagaimanapun, orang awam yang telah membawa masuk produk berkenaan ke dalam negara

untuk kegunaan peribadi atau yang membeli produk tersebut melalui platform dalam talian adalah dinasihatkan untuk menghentikan penggunaan produk tersebut dengan serta-merta.

Bagi sesiapa yang telah menggunakan produk berkenaan dan mengalami masalah kesihatan hendaklah mendapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Lima pengeluaran produk yang ditarik balik adalah NAN HA 3 SupremePro, 800g, Nombor pengeluaran: 53030017C1, Tarikh mansuh: 31/10/2027, Negara asal: Switzerland; NAN HA 2 SupremePro, 800g, Nombor pengeluaran: 51420017C4, Tarikh mansuh: 31/5/2027, Negara asal: Switzerland; NAN HA 1 SupremePro, 800g, Nombor pengeluaran: 51460017C2, Tarikh mansuh: 31/5/2027, Negara asal: Switzerland; NAN HA 1 SupremePro, 800g, Nombor pengeluaran: 51470017C1, Tarikh mansuh: 31/5/2027, Negara asal: Switzerland; dan NAN HA 3 SupremePro, 32g, Nombor pengeluaran: 53030017B1, Tarikh mansuh: 31/10/2026, Negara asal: Switzerland.

Cereulide ialah sejenis toksin yang dihasilkan oleh bakteria *Bacillus cereus* yang boleh menyebabkan gejala gastrousus seperti loya, muntah, kekejangan

perut dan cirit-birit. Gejala biasanya muncul dalam tempoh 30 minit hingga enam jam selepas pengambilan dan lazimnya pulih dalam masa satu hari.

Golongan berisiko seperti anak damit dan individu dengan sistem imun yang lemah mempunyai risiko lebih tinggi untuk mengalami

**Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Makanan Brunei Darussalam**

komplikasi.

BDFA ingin mengingatkan semua bahawa di bawah Seksyen 9 subseksyen (1), subperenggan (i) Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggala 182), mana-mana orang

yang menyediakan, menjual atau mengimport makanan yang boleh membahayakan kesihatan boleh dikenakan hukuman penjara selama lima tahun, didenda atau kedua-duanya sekali.



ANTARA produk yang ditarik balik, NAN HA 3 SupremePro, 800g.

**Selamatkan Usus Awda.**  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

**\*Sasaran pemeriksaan:**  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

كمنترين كصيحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

Selamatkan Usus Awda



## Kodak Charmera, kamera digital mini versi 'blind box'

**Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**

**D**ALAM era teknologi digital yang serba canggih, kehadiran peranti kecil yang ringkas sering kali mencetuskan fenomena luar jangka. Itulah yang berlaku kepada Kodak Charmera, sebuah kamera digital mini berbentuk gantungan kunci yang kini tular di media sosial dan menjadi buruan ramai, khususnya dalam kalangan generasi muda. Walaupun saiznya kecil dan spesifikasinya sederhana, daya tarikan Kodak Charmera terletak pada nilai nostalgia, keunikan reka bentuk serta pengalaman penggunaan yang berbeza daripada kamera moden.

Kodak Charmera merupakan kamera digital bersaiz mini yang boleh dipasang pada beg atau kunci, menjadikannya mudah dibawa ke mana-mana. Ia bukan sekadar aksesori hiasan, sebaliknya berfungsi sepenuhnya untuk merakam gambar dan video. Kamera ini dihasilkan di bawah lesen jenama Kodak yang terkenal dengan sejarah panjang dalam dunia fotografi. Reka bentuknya diinspirasi daripada kamera sekali guna klasik Kodak era terdahulu, sekali gus membangkitkan memori zaman fotografi analog yang lebih ringkas dan autentik.

Dengan berat hanya 30 gram, Kodak Charmera menghasilkan foto 1.6 Megapixel dengan keupayaan untuk menambah bingkai, filter dan cap tarikh Kodak sama seperti kamera filem lama. Foto-foto ini boleh disimpan pada kad memori microSD yang dijual berasingan dan foto-foto juga boleh dipindahkan menggunakan kabel USB-C yang disertakan.

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada populariti kamera ini ialah konsep pemasaran *blind box*. Pembeli tidak mengetahui reka bentuk atau warna kamera yang akan diterima sehingga

kotak dibuka. Elemen kejutan ini bukan sahaja meningkatkan keterujaan, malah mendorong budaya koleksi dalam kalangan peminat.

Fenomena tular Kodak Charmera turut dipacu oleh pengaruh media sosial. Platform seperti TikTok, Instagram dan YouTube dipenuhi dengan video *unboxing*, perkongsian hasil foto serta ulasan pengguna. Kandungan sebegini cepat menarik perhatian kerana bersifat ringkas, visual dan selari dengan trend semasa. Ramai pengguna merakam momen harian menggunakan kamera ini sebagai alternatif kepada telefon pintar, lalu memuat naik hasilnya sebagai satu bentuk ekspresi kreatif.

Selain itu, trend ini juga menunjukkan perubahan minat pengguna masa kini. Dalam dunia yang serba canggih dengan teknologi moden, ramai yang mula tertarik untuk kembali kepada sesuatu yang lebih sederhana dan bersifat emosi. Kodak Charmera memenuhi keperluan tersebut dengan menawarkan pengalaman fotografi yang santai, tanpa tetapan rumit atau suntingan berlebihan. Setiap gambar yang dirakam lebih bersifat spontan dan jujur, sekali gus menjadikan kenangan yang tercipta terasa lebih bermakna.

Namun begitu, di sebalik popularitinya, Kodak Charmera tidak terlepas daripada kritikan. Antara isu yang sering dibangkitkan ialah jangka hayat bateri yang terhad serta keperluan menggunakan kad memori berasingan. Selain itu, kualiti rakaman video yang sederhana mungkin tidak memenuhi jangkaan sesetengah pengguna. Walau bagaimanapun, kebanyakan peminat menerima kekurangan ini sebagai sebahagian daripada identiti kamera tersebut.



Kemunculan Kodak Charmera turut menunjukkan bagaimana jenama lama boleh kembali relevan dengan pendekatan kreatif. Kodak, yang sinonim dengan sejarah fotografi, berjaya menarik perhatian generasi baharu melalui produk yang kecil tetapi sarat dengan nilai emosi dan estetika. Fenomena ini juga membuktikan bahawa sesuatu trend tidak semestinya bergantung kepada teknologi tercanggih, sebaliknya pada pengalaman dan cerita yang ditawarkan.

Kesimpulannya, Kodak Charmera bukan

sekadar kamera mini tetapi simbol kepada kebangkitan minat terhadap nostalgia dan kesederhanaan dalam dunia digital. Ia mencerminkan keinginan masyarakat untuk memperlakukan rentak hidup, menghargai detik-detik kecil dan merakam kenangan dengan cara yang lebih peribadi. Walaupun trend ini mungkin bersifat sementara, impaknya terhadap budaya visual dan gaya hidup generasi masa kini tidak dapat dinafikan. Kodak Charmera telah membuktikan bahawa sesuatu yang kecil juga mampu mencipta fenomena besar.



## Sembahyang teras modal insan cemerlang

Oleh : Norliah Md. Zain  
Foto : Jabatan Penerangan

**H**ARI ini kita meraikan Sambutan Israk dan Mikraj sebagai sebahagian daripada usaha mensyiarkan agama kita. Lazimnya ia diraikan dengan mengadakan pelbagai majlis ilmu dan keagamaan, supaya dengan kita memperingatinya itu kita mengambil iktibar atau pengajaran dan seterusnya mengukuhkan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berlaku pada bulan Rejab. Ia adalah bulan yang mencatatkan sejarah yang sentiasa diingati setiap tahun khususnya seluruh umat Islam. Peristiwa Israk dan Mikraj adalah mukjizat terbesar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selepas Al-Quran dan merupakan peristiwa agung yang penuh pengajaran dan iktibar.

Dalam peristiwa ini Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah di Israkkan (diperjalankan) dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjid Aqsa di Palestin dan telah di Mikrajkan (dinaikkan) ke langit menuju ke Sidratul Muntaha. Dalam peristiwa tersebut Baginda telah menyaksikan tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala dan Baginda juga diperlihatkan dengan berbagai-bagai kejadian dan peristiwa aneh yang menunjukkan keadaan perilaku manusia dengan balasan-balasan yang bakal mereka terima.

Di kemuncak peristiwa inilah Allah Subhanahu Wata'ala telah memfardukan sembahyang lima waktu kepada umat Islam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 1 tafsirnya :

*"Maha suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjid Aqsa (Baitul Muqadis di Palestin), yang kami berkati sekelilingnya supaya kami memperlihatkan*

*kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".*

### Istimewanya ibadat sembahyang

Sesungguhnya ibadat sembahyang itu terlalu istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala kerana Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri telah menerimanya secara langsung daripada Allah Subhanahu Wata'ala di Sidratul Muntaha dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Perintah ibadat sembahyang ini adalah berbeza dengan ibadat-ibadat yang lain seperti ibadat puasa, zakat, haji dan lain-lain yang diterima melalui wahyu dengan perantaraan Malaikat Jibril Alaihisalam. Ini menunjukkan bahawa ibadat sembahyang itu terlalu istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Ibadat sembahyang tidak boleh diremeh-remehkan seperti juga tidak boleh menurut hawa nafsu melakukan maksiat kerana meremehkan sembahyang itu adalah dicela oleh Allah Subhanahu Wata'ala, mereka itu adalah golongan yang sesat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Maryam, ayat 59 yang tafsirnya :

*"Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu dengan melakukan maksiat, maka mereka akan menghadapi azab dalam neraka".*

Abdullah bin Abbas Radhiallahuanhuma berkata, maksud mensia-siakan sembahyang bukanlah meninggalkan sembahyang sama sekali, tetapi melewatkan dari waktunya, umpamanya mereka melaksanakan Sembahyang Zuhur dalam waktu Asar, Sembahyang Asar di dalam waktu Maghrib, Sembahyang Isyak ditangguhkan sehingga masuk waktu Subuh serta Sembahyang Subuh dilaksanakan selepas matahari terbit. Sesiapa yang mati dalam keadaan ini tanpa bertaubat dia akan dihumbankan ke dalam sebuah lembah

yang bernama al-Ghai'a di dalam neraka dan diberikan makanan yang amat jijik. Jika mengerjakan sembahyang fardu di luar waktu sudah sebegini hukumnya, bayangkanlah azab yang bakal menimpa mereka yang tidak bersembahyang fardu sama sekali.

Justeru itu, melaksanakan sembahyang fardu dalam waktu yang ditetapkan merupakan sebahagian daripada disiplin Islam yang wajib dilaksanakan.

### Sambutan peringkat negara

Sambutan Israk Mikraj peringkat negara berlangsung pada hari ini bermula jam 9.00 pagi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Antara pengisian acara ialah bacaan Ayat Suci Al-Quran oleh Awang Ahmad Zulwaqar Haji Suhaili iaitu johan qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi. Laungan Selawat Badriyah dipersembahkan oleh gabungan pegawai dan kakitangan daripada empat agensi iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kesihatan, dan Progresif Sdn. Bhd.

Majlis juga diserikan dengan persembahan khas oleh pelajar-pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanul Bolkiah dan diteruskan dengan Ceramah Khas oleh Penceramah Khas Undangan, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Haji Mohd. Izhar Ariff bin Mohd. Kashim iaitu Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tema sambutan pada tahun ini ialah Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang. Tema ini menekankan sembahyang adalah asas pembentukan insan berkualiti tinggi dan cemerlang, seperti yang disyariatkan pada peristiwa agung Israk dan Mikraj. Peristiwa ini bukan sekadar peristiwa agung Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam malah membawa kewajipan menunaikan sembahyang fardu lima waktu

sebagai hadiah daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Islam. Sembahyang berperanan membentuk disiplin, akhlak dan rohani seseorang.

Apabila sembahyang dilaksanakan dengan sempurna dan penuh penghayatan ia mampu mencegah perbuatan mungkar, menenangkan jiwa dan melahirkan insan yang bertanggungjawab, berintegriti dan berdaya tahan. Oleh itu, untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, dari segi rohani, emosi dan keperibadiannya, sembahyang hendaklah dijadikan teras dalam kehidupan seharian bukan sekadar rutin malah sebagai sumber kekuatan dan panduan hidup.

Acara iringan Bengkel Kesempurnaan Sembahyang akan diadakan nanti, yang akan memfokuskan mengenai sembahyang berjemaah yang dikendalikan oleh Bahagian Perancangan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran, KHEU.

Pada tahun ini Progresif Sdn. Bhd. turut sama-sama mengukayahkan Sambutan Israk Mikraj. Keterlibatan pihak kerajaan dan swasta mencerminkan kesepakatan dalam pelbagai bidang serta memupuk kerjasama antara satu sama lain.

Semua Ahli Jawatankuasa dan peserta yang mengambil bahagian disarankan untuk hadir lebih awal. Para jemputan yang hadir adalah dikehendaki untuk mendaftar kehadiran terlebih dahulu di lokasi yang telah ditetapkan dan hendaklah berada di dalam dewan sepanjang majlis. Orang ramai juga boleh mendengar dan menyaksikan sambutan ini melalui rangkaian radio dan televisyen RTB serta RTBGo.

Pada majlis itu nanti, terdapat juga jualan buku-buku tempatan daripada agensi-agensi kerajaan di ruang legar Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas daripada Jabatan Mufti Kerajaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Sejarah dan Pusat Da'wah Islamiah. Juga terlibat dari institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

# DAYANG 'ALIAH ZAHRA TERIMA ANUGERAH DI ACGS 2026



DAYANG 'Aliah Zahra binti Mohamed Fairuz, pelajar Tahun 10 di bawah Skim Biasiswa Menengah Bawah ke Jerudong International School (JIS) memenangi Anugerah Teladan Aktiviti Pra-Perkhemahan (kiri dan kanan).



for All: The Role and Responsibility of Science for a Sustainable Tomorrow' ini memberi peluang kepada peserta untuk menyertai pelbagai aktiviti akademik berimpak tinggi, termasuk kuliah pakar, perbincangan saintifik, serta pembentangan berkumpulan secara silang negara bersama pelajar dari negara-negara ASEAN+3.

Sebelum menghadiri program utama, para pelajar menjalani aktiviti pra-program yang melibatkan tugas sendiri dan persediaan akademik yang intensif. Sepanjang tempoh tersebut, mereka menerima bimbingan daripada pakar-pakar Fakulti Sains, Universiti Brunei Darussalam (UBD) sebagai persediaan menghadapi program antarabangsa berkenaan.

Secara keseluruhannya, program ACGS bertujuan untuk menghimpunkan pelajar cerdas pintar dan berbakat dalam bidang Sains dan Teknologi, serta menyediakan platform untuk

mereka bekerjasama, bertukar idea dan mempamerkan keupayaan dalam persekitaran global yang mencabar dan kompetitif.

Seramai tiga orang pelajar mewakili Negara Brunei Darussalam, yang terdiri dari pelajar Tahun 10 dari JIS iaitu Dayang 'Aliah Zahra dan Dayang Nadia binti Ahmad Sukarni serta Dayang Hasya Fasiha binti Azrin dari International School Brunei (ISB).

Penyertaan pelajar ke 15th ASEAN+3 Student Camp for the Gifted In Science (ACGS) 2026 ini diselenggarakan oleh Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE), Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan.

## Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

**SEOUL**, Khamis, 15 Januari. - Seorang pelajar dari Negara Brunei Darussalam berjaya menerima anugerah pada 15th ASEAN+3 Student Camp for the Gifted in Science (ACGS) 2026 yang berlangsung pada 4 hingga 10 Januari 2026 di Seoul, Republik Korea.

Program ini dianjurkan oleh The

ASEAN+3 Center for the Gifted in Science (ACGS) dengan sokongan Korean Ministry of Science and ICT serta Korean Foundation for Science and Creativity (KOSAC).

Dayang 'Aliah Zahra binti Mohamed Fairuz, pelajar Tahun 10 di bawah Skim Biasiswa Menengah Bawah ke Jerudong International School (JIS) memenangi Anugerah

Teladan Aktiviti Pra-Perkhemahan atas komitmen dan pencapaian cemerlang beliau dalam penyelidikan kaedah pengawetan makanan tradisional termasuk prinsip saintifik yang berkaitan bertajuk 'Sun, Salt, Shrimp: How Does Varying Salt Concentration Affect Microbial Growth and Water Activity (aw) in Udag Kering During Storage'.

Program yang bertemakan 'Food

## Pembatalan Sijil Halal Syarikat Rosmawey



**PEMBATALAN** ini dibuat susulan penemuan 67.21 kilogram daging mentah yang diragui kehalalannya di premis tersebut, hasil daripada pemantauan rutin Bahagian Kawalan Makanan Halal yang telah dijalankan pada 10 Januari 2026.

## Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 15 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah memaklumkan bahawa Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) di bawah kuasa yang diberikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) di bawah Bab 6(3), Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 telah membatalkan Sijil Halal dan Sijil Penyelia Halal MUIB yang dikeluarkan terhadap Syarikat Rosmawey beralamat No. 23-284, Kampung Lambak, Berakas, Negara Brunei Darussalam, berkuat kuasa pada 10 Januari 2026.

Pembatalan ini dibuat susulan

penemuan 67.21 kilogram daging mentah yang diragui kehalalannya di premis tersebut, hasil daripada pemantauan rutin Bahagian Kawalan Makanan Halal yang telah dijalankan pada 10 Januari 2026.

Kes ini sedang disiasat di bawah Bab 37, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 yang memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi BND8,000 atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan dengan itu, semua pemegang Sijil Halal MUIB di negara ini adalah diingatkan agar

sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang serta syarat-syarat pensijilan halal yang ditetapkan.

KHEU juga menegaskan bahawa setiap pemegang Sijil Halal bertanggungjawab sepenuhnya memastikan segala peralatan, bahan dan proses penyediaan makanan adalah halal, suci serta bebas daripada sebarang unsur yang tidak halal atau meragukan.

Sebarang pelanggaran terhadap syarat pensijilan merupakan suatu perbuatan yang amat serius kerana ia boleh menyebabkan masyarakat Islam di negara ini terdedah kepada pengambilan makanan yang tidak halal atau diragui kehalalannya, serta mencemarkan integriti sistem pensijilan halal negara.

Pegawai - pegawai Penguatkuasaan BKMH, Jabatan Hal Ehwal Syariah akan terus menjalankan operasi pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap peruntukan undang-undang dan syarat pensijilan halal.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat atau ingin membuat aduan berkaitan penggunaan atau penjualan produk tidak halal di premis perniagaan boleh menyalurkan aduan terus kepada BKMH, Jabatan Hal Ehwal Syariah melalui talian hotline +673 7166222 atau datang terus ke Pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah di daerah masing-masing.

## Kursus Ibadat Haji, Umrah bermula 16 Januari

### Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 15 Januari. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah akan mengadakan Kursus Ibadat Haji dan Umrah khusus bagi bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Kursus ini akan diadakan secara serentak di pusat-pusat kursus yang terpilih di keempat-empat daerah bermula pada 16 Januari 2026 dan berakhir pada 15 Februari 2026.

Sebanyak sepuluh sesi disediakan iaitu setiap hari Jumaat dan Ahad dari pukul 8.00 hingga 10.30 pagi iaitu Sesi 1 pada hari Jumaat, 16 Januari 2026 bersamaan 26 Rejab 1447; Sesi 2 pada hari Ahad, 18 Januari 2026 bersamaan 28 Rejab 1447; Sesi 3 pada hari Jumaat, 23 Januari 2026 bersamaan 4 Syaaban 1447; Sesi 4 pada hari Ahad, 25 Januari 2026 bersamaan 6 Syaaban 1447; Sesi 5 pada hari Jumaat, 30 Januari 2026 bersamaan 11 Syaaban 1447; Sesi 6 pada hari Ahad, 1 Februari 2026 bersamaan 13 Syaaban 1447; Sesi 7 pada hari Jumaat, 6 Februari 2026 bersamaan 18 Syaaban 1447; Sesi 8 pada hari Ahad, 8 Februari 2026 bersamaan 20 Syaaban 1447; Sesi 9 pada hari Jumaat 13 Februari 2026 bersamaan 25 Syaaban 1447; dan Sesi 10 pada hari Ahad, 15 Februari 2026 bersamaan 27 Syaaban 1447.

Sementara pusat-pusat Kursus Ibadat Haji dan Umrah mengikut daerah adalah seperti bagi Daerah Brunei dan Muara ialah Sekolah Ugama Lambak Kanan, Jalan 1 Kampung Perpindahan Lambak Kanan; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkih, Kampung Berakas; dan Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar.

Sementara itu bagi Daerah Belait ialah Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Belait; manakala Daerah Tutong di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong; dan Daerah Temburong di Sekolah Arab Temburong, Temburong.

Sehubungan dengan itu, semua bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadat haji bagi Tahun 1447H/2026M adalah dikehendaki untuk mengikuti Kursus-kursus Ibadat Haji yang telah diaturkan di pusat-pusat yang telah ditetapkan.



# BANJIR SUMATERA : 64,021 PENDUDUK PULANG KE RUMAH SELEPAS KEADAAN SEMAKIN PULIH

JAKARTA, 15 Jan. - Seramai 64,021 penduduk yang dipindahkan akibat banjir dan tanah runtuh di wilayah Aceh, Sumatera Utara dan Sumatera Barat telah pulang ke rumah dan komuniti asal mereka sejak Isnin, susulan keadaan di lapangan yang terus menunjukkan pemulihan.

Jumlah mangsa yang masih berada di pusat pemindahan ketika ini adalah seramai 131,521 orang.

Menurut Ketua Data, Informasi dan Komunikasi Bencana Badan Nasional Pengurusan Bencana (BNPB) Abdul Muhari, perkembangan positif itu didorong oleh pembinaan segera tempat perlindungan sementara, pembukaan semula laluan serta pemulihan lebih banyak kawasan kediaman.

"BNPB, dengan penyelarasan

kerajaan tempatan, terus mempercepat pembinaan perumahan sementara dengan sasaran utama siap sebelum Ramadan.

"Sebanyak 27,560 unit rumah sementara telah dicadangkan, dengan 4,304 unit sedang dibina dan 262 unit telah siap serta sedia untuk diduduki, manakala bagi tempat perlindungan sementara

jenis hangar pula, sebanyak 8,440 unit dicadangkan, dengan 648 unit sedang dalam pembinaan," katanya dalam satu kenyataan.

Abdul Muhari berkata setakat pagi Khamis, jumlah korban mencecah kepada 1,190 selepas pasukan mencari dan menyelamatkan bersama menemukan seorang lagi mangsa

yang telah meninggal dunia di Kabupaten Pidie Jaya, Aceh. Jumlah mangsa hilang adalah seramai 141 orang.

Beliau berkata BNPB turut melaksanakan Operasi Modifikasi Cuaca (OMC) di tiga wilayah berkenaan bagi mengawal intensiti hujan dan mengurangkan risiko 'bencana sekunder' di kawasan terjejas. - ©BERNAMA

## Polis mengeluarkan amaran susulan penemuan bom di ibu negara Australia

CANBERRA, 15 Jan. - Pasukan polis di wilayah Ibu Negara Australia (ACT) mengeluarkan amaran kepada orang ramai selepas peranti bahan letupan ditemukan berhampiran laluan pejalan kaki di barat laut Canberra, ibu negara Australia, lapor Xinhua.

Dalam satu kenyataan pada Rabu malam, Polis ACT berkata

anggotanya telah bertindak balas terhadap beberapa insiden penemuan bom paip di kawasan pinggir bandar Belconnen, kira-kira 10 kilometer barat laut pusat bandar Canberra, pada Selasa dan Rabu.

Bercakap pada sidang media pada Khamis, Pemangku Detektif Inspektor Anna Wronski berkata sebanyak 11 peranti ditemukan

dan sebahagiannya telah meletup. "Sebahagian peranti yang ditemukan telah meletup sebelum polis menjumpainya, manakala sebahagian lagi masih belum meletup," katanya.

Wronski berkata polis memberi amaran kepada orang ramai agar tidak menyentuh mana-mana peranti lain yang mungkin ditemukan mereka.

Beliau berkata setakat ini tiada laporan kecederaan atau kerosakan harta benda akibat letupan itu dan semua peranti telah dimusnahkan.

Orang ramai turut dinasihatkan melaporkan sebarang barangan atau tingkah laku yang mencurigakan kepada pihak berkuasa. - ©BERNAMA

## Republik Islam Iran tutup ruang udara kepada kebanyakan penerbangan

ISTANBUL, 15 Jan. - Republik Islam Iran menutup sementara ruang udaranya kepada semua penerbangan kecuali ketibaan dan pelepasan penerbangan awam antarabangsa yang mendapat kebenaran awal, menurut satu notis penerbangan rasmi pada awal pagi Khamis, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Notis kepada misi udara itu

memaklumkan bahawa ruang udara Tehran akan kekal ditutup sehingga 15 Januari, dengan hanya penerbangan awam antarabangsa dibenarkan beroperasi setelah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam.

Sekatan itu terpakai kepada penerbangan yang memasuki atau meninggalkan Republik Islam

Iran manakala semua trafik udara lain digantung, menurut notis berkenaan.

Langkah itu diambil susulan ketegangan serantau dan domestik yang semakin meningkat, termasuk protes antikerajaan di Republik Islam Iran dan penelitian antarabangsa yang semakin meningkat. - ©BERNAMA

## Bangladesh lancar undi pos luar negara pertama menjelang pilihan raya umum

DHAKA, 14 Jan. - Bangladesh mula menghantar kertas undi pos kepada pengundi di 148 buah negara, sekali gus membolehkan ekspatriat mengambil bahagian dalam pilihan raya nasional buat kali pertama ketika negara itu bersedia bagi Pilihan Raya Umum (PRU) pada 12 Feb ini di bawah pentadbiran kerajaan sementara, lapor Anadolu Ajansi.

Langkah itu membolehkan rakyat Bangladesh di luar negara melaksanakan hak mengundi mereka selepas tuntutan bertahun-tahun untuk penyertaan secara tanpa hadir.

Pilihan raya berkenaan akan diadakan di bawah kerajaan sementara diterajui Muhammad Yunus selepas kebangkitan rakyat yang memaksa bekas Perdana Menteri Sheikh Hasina melarikan diri ke India pada 5 Ogos 2024.

Bagi memudahkan penyertaan pengundi migran, Suruhanjaya Pilihan Raya melancarkan aplikasi mudah alih tahun lepas yang membolehkan ekspatriat mendaftar untuk menerima arahan dan bahan undi pos. Pendaftaran

dibuka selama kira-kira dua bulan dan ditutup pada 5 Jan lepas.

Pegawai yang menyelia pendaftaran memilih luar negara, Salim Ahmad Khan berkata seramai 772,542 pengundi Bangladesh yang menetap di luar negara telah mendaftar. Beliau memberitahu Anadolu bahawa pengundian melalui mel akan bermula selepas Suruhanjaya Pilihan Raya memperuntukkan simbol pilihan raya kepada calon pada 22 Jan.

Walaupun tiada angka rasmi yang disahkan mengenai jumlah ekspatriat Bangladesh di seluruh dunia, anggaran menunjukkan jumlahnya dalam lingkungan 12 juta hingga 15 juta orang, kata Khan. Beliau berkata Suruhanjaya Pilihan Raya "menyasarkan kira-kira lima juta" undi ekspatriat melalui sistem undi pos itu.

Profesor Sains Politik di Universiti Dhaka, Kazi Mohammad Mahbobor Rahman memberitahu Anadolu bahawa kerajaan sementara telah memenuhi tuntutan sekian lama pekerja migran Bangladesh, yang

disifatkan beliau sebagai "tonggak ekonomi utama" negara dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sekitar US\$462 bilion.

Bangladesh menerima rekod kiriman wang sebanyak US\$32.8 bilion tahun lepas, paras tahunan tertinggi sepanjang masa di bawah pentadbiran Yunus, ketika ekonomi negara Asia Selatan itu berkembang sekitar 4.5 peratus meskipun berdepan ketidakpastian politik.

Sambil mengambil kira kebimbangan mengenai kemungkinan kelewatan undi pos akibat jarak jauh, Rahman berkata sistem itu "kekal sebagai pilihan paling mudah berbanding pilihan lain yang sedia ada di seluruh dunia, termasuk di Amerika Syarikat".

Beliau berkata jika berlaku persaingan sengit, undi migran "boleh menjadi faktor penentu". Lebih 127.7 juta pengundi berdaftar untuk mengundi dalam pilihan raya umum akan datang, meningkat daripada 119.6 juta pada 2024, menurut angka rasmi. - ©BERNAMA

## AS hentikan sementara proses visa untuk 75 negara

WASHINGTON, 15 Jan. - Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) menghentikan sementara semua pemrosesan visa bagi 75 negara, termasuk Somalia, Persekutuan Rusia, Afghanistan, Brazil, Republik Islam Iran, Iraq, Republik Arab Mesir, Nigeria, Thailand dan Yaman, lapor Xinhua memetik laporan Fox News pada Rabu.

Penggantungan itu akan bermula pada 21 Januari dan akan diteruskan untuk tempoh yang tidak ditetapkan sehingga jabatan berkenaan menjalankan penilaian semula terhadap proses pemrosesan visa, menurut laporan itu.

Perkembangan terbaharu itu dibuat sehari selepas Rumah Putih mengumumkan penamatan status perlindungan sementara (TPS) untuk pendatang Somalia susulan dakwaan penipuan di Minnesota.

Pada Isnin, jabatan itu menyatakan menerusi media sosial bahawa lebih 100,000 visa dibatalkan sejak Presiden Donald Trump memegang jawatan hampir setahun lalu. - ©BERNAMA

## Ancaman banjir di Queensland kekal meskipun hujan mulai reda

SYDNEY, 14 Jan. - Premier Queensland pada Rabu memaklumkan bahawa wilayah di utara dan barat laut negeri itu kekal berisiko menghadapi banjir meskipun kelembatan hujan mulai berkurangan, lapor Xinhua.

David Crisafulli memberitahu rangkaian televisyen Nine Network pada pagi Rabu bahawa beberapa bahagian di utara tropika dan barat laut Queensland menerima jumlah taburan hujan sepanjang minggu lepas yang melebihi purata tahunan biasa.

Menurut ramalan Biro Meteorologi (BoM), hujan di seluruh Queensland dijangka reda pada Rabu selepas bekas Siklon Tropika Koji membadaai pantai timur laut pada pagi Ahad dan bergerak ke arah barat merentasi negeri itu, sekali gus mencetuskan banjir kilat yang meluas.

Bagaimanapun, amaran banjir besar daripada BoM bagi empat batang sungai masih dikekalkan pada Rabu, dan Crisafulli berkata pihak berkuasa bimbang dengan keadaan tadahan air yang kini melimpah.

"Kebimbangan utama kami adalah jika berlaku hujan tambahan di kawasan tadahan yang sudah sedia tinggi dan paras air tidak menurun se pantas yang diharapkan," katanya.

"Walaupun trend menunjukkan hujan mulai reda, itu tidak bermakna tiada kemungkinan berlakunya hujan lebat yang terpicil di kawasan tadahan yang sudah melimpah".

Premier itu pada Selasa memaklumkan bahawa lebih 50,000 ekor ternakan telah mati akibat banjir dan angka itu dijangka terus meningkat.

Beliau berkata pada Rabu bahawa pihak berkuasa sedang menjalankan operasi pengguguran udara bagi bekalan makanan ternakan dan bekalan veterinar kecemasan kepada ternakan yang terkandas di kawasan tanah tinggi di beberapa lokasi. - ©BERNAMA

# CHINA, SRI LANKA LANCAR PROJEK TRANSFORMASI DIGITAL PENDIDIKAN UMUM



FOTO yang diambil pada 14 Januari 2026 ini menunjukkan majlis pelancaran sebuah projek yang dilancarkan oleh China dan Sri Lanka yang bertujuan ke arah transformasi digital pendidikan umum, di Colombo, Sri Lanka.

**COLOMBO**, 16 Jan. - China dan Sri Lanka pada Rabu, bersama-sama melancarkan satu projek yang bertujuan untuk mentransformasikan pendidikan umum di Sri Lanka secara digital.

Projek Bantuan China bagi Transformasi Digital Pendidikan Umum di Sri Lanka telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Sri Lanka, Harini Amarasuriya, dan Duta Besar China ke Sri Lanka, Qi Zhenhong, dalam satu majlis.

Projek ini akan membantu Sri Lanka membina pusat data awan pendidikan, pusat persidangan multimedia, serta hab media penstriman.

Ia juga akan membangunkan sistem pengurusan rangkaian berasaskan perisian untuk Kementerian Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan

Pendidikan Vokasional Sri Lanka, menubuhkan 900 bilik darjah pintar di 500 sekolah di seluruh negara, serta menyediakan sumber digital untuk pengajaran bahasa Cina.

Dalam ucapannya pada majlis tersebut, Amarasuriya berkata projek ini adalah selaras dengan agenda ekonomi digital kerajaan Sri Lanka yang lebih luas dengan membolehkan keputusan

berasaskan data, memperkukuh penyampaian perkhidmatan, dan meningkatkan kesalinghubungan dalam sektor pendidikan.

Dalam ucapannya, Qi berkata pendidikan kanak-kanak adalah penting kepada masa depan sesebuah negara dan rakyatnya.

Beliau menambah bahawa kerajaan China secara konsisten menyokong pembangunan pendidikan Sri Lanka dan akan terus komited untuk menyokong Sri Lanka melalui kerjasama dalam bidang pendidikan dan pembangunan. - ©XINHUA

## 4.7 juta akaun media sosial kanak-kanak bawah 16 tahun dinyahaktifkan di Australia

**CANBERRA**, 16 Jan. - Lebih 4.7 juta akaun media sosial milik kanak-kanak di Australia dinyahaktifkan dalam beberapa hari pertama pelaksanaan larangan media sosial untuk mereka berumur bawah 16 tahun yang pertama kali dilaksanakan di dunia, menurut kerajaan persekutuan pada Jumaat, lapor Xinhua.

Data yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya eSafety kerajaan menunjukkan syarikat media sosial menyekat akses kepada kira-kira 4.7 juta akaun yang dikenal pasti sebagai milik kanak-kanak bawah 16 tahun dalam tempoh beberapa hari selepas larangan itu berkuat kuasa pada 10 Disember lepas.

Perdana Menteri Anthony Albanese berkata perkembangan awal itu menggalakkan apabila syarikat media sosial mengambil 'usaha bermakna' untuk mematuhi larangan berkenaan.

"Perubahan tidak berlaku sekelip mata. Tetapi tanda-tanda awal ini menunjukkan bahawa penting untuk kami mengambil tindakan untuk melaksanakan perubahan ini," katanya.

Dalam satu kenyataan, Pesuruhjaya eSafety Julie Inman Grant berkata beliau 'sangat berpuas hati' dengan keputusan awal itu, namun mengakui terdapat laporan bahawa sebahagian akaun milik kanak-kanak di bawah had umur masih kekal aktif.

Kerajaan tidak mendedahkan jumlah akaun yang dinyahaktifkan oleh setiap 10 platform yang terlibat dalam larangan itu, termasuk TikTok, X dan YouTube.

Meta mengumumkan pada Isnin bahawa ia menyahaktifkan lebih 544,000 akaun di platform Facebook, Instagram dan Threads setakat 11 Disember lalu.

Di bawah undang-undang yang diluluskan Parlimen Australia pada 2024, syarikat media sosial yang gagal mengambil langkah munasabah untuk menguatkuasakan larangan itu boleh dikenakan denda sehingga AUD49.5 juta (kira-kira USD33.17 juta). - ©BERNAMA

## Indonesia usul tambahan 21,000 polis hutan tingkatkan pengawasan hutan

**JAKARTA**, 16 Jan. - Menteri Perhutanan Indonesia Raja Juli Antoni mencadangkan penambahan 21,000 anggota polis hutan bagi meningkatkan pengawasan hutan di seluruh negara, menurut laporan media tempatan pada Khamis, lapor Xinhua.

Cadangan itu dibuat susulan kejadian banjir dan tanah runtuh baru-baru ini di Sumatera yang dipercayai berkaitan dengan kegiatan penyahhutan, menurut laporan.

Pada masa ini, Indonesia mempunyai kira-kira 4,800 anggota polis hutan. Pelan tersebut bertujuan meningkatkan jumlah keseluruhan kepada 25,000 anggota, berdasarkan nisbah ideal seorang polis hutan bagi setiap 5,000 hektar kawasan hutan.

Penambahan anggota itu dijangka memperbaiki pemantauan pembalakan haram, meningkatkan keselamatan hutan serta menyesuaikan pengawasan dengan ciri-ciri wilayah dan tekanan populasi.

Kementerian itu turut mencadangkan penambahan bilangan Unit Penguatkuasaan Undang-Undang Perhutanan daripada 10 kepada 24 unit.

Unit yang diperluas itu akan dilengkapi dengan fungsi perlindungan hutan serta keupayaan kawalan kebakaran hutan dan tanah di setiap provinsi.

Raja Juli menekankan keperluan penyelarasan yang lebih tersusun antara kerajaan pusat dan daerah.

Bagi menyokong usaha ini, kementerian telah mencadangkan penubuhan 35 Pusat Penyelaras Perhutanan Wilayah untuk berfungsi sebagai hab penyelarasan dasar dan memudah cara kerjasama dengan kerajaan tempatan serta forum penyelarasan kepimpinan daerah.

"Penubuhan pusat penyelarasan ini akan menjadikan pelaksanaan program perhutanan lebih tersusun dan bersepadu, dari peringkat pusat hingga ke lapangan," kata Raja Juli seperti dipetik oleh media tempatan. - ©BERNAMA

## Muzium pho pertama dibuka di Ho Chi Minh

**HO CHI MINH**, 16 Jan. - Muzium pho pertama dibuka di sini pada Khamis sebagai usaha memelihara warisan kuliner negara, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Terletak di kawasan berkeluasan 800 meter persegi di daerah Ben Thanh, muzium berkenaan merupakan muzium kuliner swasta pertama di Republik Sosialis Viet Nam yang dilesenkan di bawah Jabatan Budaya dan Sukan Ho Chi Minh.

Muzium tiga tingkat itu menawarkan pengunjung 'pengembaraan' 100 tahun sejarah pho iaitu hidangan mi sup popular Republik Sosialis Viet Nam dengan menelusuri kawasan cenderamata, dapur, bilik pawagam dan ruang pameran budaya.

Ia menawarkan jelajah lengkap selama sekitar 60 hingga 70 minit, membawa pengunjung daripada konteks sejarah kepada ruang budaya kepada pengalaman kuliner yang membantu mereka

memahami kisah dan budaya hidangan ikonik itu.

Harga bagi jelajah muzium ialah 750,000 VND (kira-kira RM115) untuk dewasa dan 500,000 VND (RM77) bagi kanak-kanak.

Kemuncak jelajah ialah ruang pameran budaya yang menjaga ratusan artifak dan dokumen berkaitan budaya pho rakyat Republik Sosialis Viet Nam merentasi tiga wilayah.

Ia menampilkan pameran yang direka bentuk untuk membantu pelawat lebih memahami berhubung bahan-bahan, proses memasak dan seni kemahiran pembuatan pho.

Jelajah turut singgah ke ruang makan untuk pelawat menikmati semangkuk pho dan pencuci mulut tempatan serta ruang permainan interaktif di tingkat dua.

Pengarah Muzium Le Nhat Thanh berkata bangunan itu ialah tempat melindungi khazanah pho,

mencerminkan perjalanan 100 tahun hidangan itu dari penjaja kaki lima ke meja makan di seluruh dunia.

Menerusi kisah pho, muzium tersebut menyasarkan untuk mempromosikan kehebatan masakan Republik Sosialis Viet Nam dan mempamerkan kebanggaan negara kepada kawan-kawan antarabangsa, ujar Thanh.

Pengunjung Nguyet Anh berkata muzium itu menghimpunkan tiga perkara yang paling diingini pelancong khususnya dari luar negara iaitu sejarah, budaya dan makanan.

Muzium berkenaan menjangkakan kehadiran 1,500 hingga 2,000 pelawat setiap hari termasuk separuh daripadanya pengunjung luar negara dan kumpulan pelancong.

Selain itu, aras bawah muzium turut menempatkan restoran pho yang dibuka kepada orang awam. - ©BERNAMA

## Rom perkenal zon had laju 30km sejam di pusat bandar

**ROM**, 16 Jan. - Had laju maksimum di pusat bandar Rom kini ditetapkan pada 30 kilometer sejam (km/j), berkuat kuasa Khamis, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Had laju baharu itu terpakai terutamanya di kawasan bersejarah ibu negara Itali itu, selain beberapa laluan utama yang lebih luas di sekitar pusat bandar.

Sebelum ini, had laju itu hanya meliputi kurang daripada separuh jalan di kawasan pusat bandar. Langkah itu bertujuan mengurangkan nahas jalan raya dan menurunkan jumlah kematian akibat kemalangan kepada sifar.

Ketua jabatan pengangkutan Eugenio Patane berkata pelbagai kajian menunjukkan

yang pengurangan had laju kepada 30km/j dapat mengurangkan risiko serta tahap kecederaan akibat nahas. "Oleh itu, ia bukan satu keputusan berasaskan ideologi," katanya.

Beliau berkata jumlah pejalan kaki meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, berkemungkinan disebabkan peningkatan pelancong yang menerokai bandar itu dengan berjalan kaki, sekali gus memerlukan pendekatan baharu terhadap mobiliti bandar.

"Kami mempunyai tanggungjawab untuk mengurangkan perbezaan kelajuan antara pengguna jalan raya yang lebih berkuasa dan yang lebih terdedah. Dengan cara inilah risiko kematian dapat

dikurangkan," katanya.

Laporan portal Roma Today meletakkan Kota Abadi itu di tempat ke-17 antara bandar paling sibuk di dunia. Banyak kawasan mengalami kesesakan teruk ketika waktu puncak dan satu kajian yang diterbitkan oleh portal itu mendapati penduduk Rom menghabiskan purata kira-kira 76 jam dalam kesesakan lalu lintas tahun lalu.

Bologna menjadi bandar utama pertama di Itali yang memperkenalkan had laju 30km/j di jalan bandar pada 2024, dengan lebuh raya dikecualikan. Pada tahun pertama pelaksanaan peraturan itu, tidak seorang pun pejalan kaki maut di jalan raya bandar berkenaan. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## PENYERAHAN BENDERA NBD KEPADA KONTINJEN KE SUKAN PARA ASEAN

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 14 Januari. - Upacara penyerahan bendera melambangkan kebanggaan negara dan amanah yang dipikul oleh kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD).

Setiap anggota bertanggungjawab untuk menjunjung maruah, rasa hormat dan keselamatan dalam sukan.

Perlindungan dalam sukan, khususnya sukan para, menekankan kesejahteraan atlet secara menyeluruh serta pematuhan kepada piawaian tatakelakuan yang tinggi bagi mewujudkan persekitaran sukan yang selamat, beretika dan berprestasi tinggi.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen NBD Ke Sukan Para ASEAN Ke-13, 2025 di Nakhon Ratchasima, Thailand, bertempat di Bilik Simpur, Tingkat 1 Kompleks Stadium Negara Hassanah Bolkiah, di sini.

"Mengimbas kembali kegemilangan di Kejohanan 12th ASEAN Para Games, Phnom Penh, kita telah mencipta kejayaan yang bersejarah dengan merangkul tiga pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa, kesemuanya dari acara Para Olahraga. Kejayaan ini semestinya menjadi pemacu

semangat dan penanda aras bagi setiap atlet yang terpilih untuk kali ini," ujar Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Walau bagaimanapun, dalam mengejar kejayaan, Yang Berhormat menekankan agar aspek disiplin dan integriti sentiasa diutamakan.

Tambahnya, jagalah tingkah laku, patuhi semua peraturan, dan yang paling penting, jauhkan diri daripada sebarang bahan terlarang (*anti-doping*).

Tumpuan, kesihatan, dan semangat juang yang kental menurutnya, adalah kunci untuk berjaya mengharumkan nama bangsa dan negara di arena serantau ini.

NBD akan menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Para ASEAN Ke-13 2025 di Nakhon Ratchasima, Thailand yang akan diadakan secara rasminya bermula pada 20 hingga 26 Januari 2026.

Kontinjen NBD dianggotai seramai 21 orang terdiri daripada 12 orang atlet dan sembilan orang pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urus Setia / Safeguarding, Fisioterapi, Jurulatih dan Penolong Jurulatih.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih, Kompleks Rumah Kebajikan, Awang Haji Nordin bin Haji Durahman, diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat dan diteruskan dengan penyerahan Bendera NBD oleh tetamu kehormat kepada Awang Haji Ali

Yusri bin Haji Abdul Ghafor selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke Sukan Para ASEAN Ke-13 2025, Thailand.

Majlis turut menyaksikan bacaan ikrar janji daripada kontinjen NBD diketuai oleh Awang Muhammad Daniel Hakim bin Harjimmey.

Sebelum majlis berakhir, Doa Selamat telah dibacakan oleh Guru Ugama Terlatih, Kompleks Rumah Kebajikan dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Kuasa Usaha Sementara, Kedutaan Besar Diraja Thailand di NBD, Kittivudh Pinyowit; Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan) selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim; Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan; dan keluarga atlet.

Pada edisi Sukan Para ASEAN kali ini, NBD akan menyertai sebanyak tiga acara sukan daripada 19 sukan yang dipertandingkan iaitu olahraga, renang dan tenis boling.

NBD mula mengikuti Sukan Para ASEAN pada tahun 2001, dan hingga ke hari ini telah berjaya memperoleh 40 pingat emas, 44 pingat perak dan 60 pingat gangsa secara keseluruhan, di mana pencapaian terbaik negara ialah pada tahun 2009 di Kuala Lumpur, Malaysia dengan meraih sembilan pingat emas, lima pingat perak dan tujuh pingat gangsa.

Kali terakhir NBD menyertai Sukan Para



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyerahkan bendera kepada Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke Sukan Para ASEAN Ke-13 2025, Thailand.**

ASEAN ialah pada tahun 2023 di Phnom Penh, Kemboja dengan memperoleh tiga pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa.

Kontinjen negara dijangka bertolak ke Thailand pada hari Jumaat, 16 Januari 2026.

## 12 atlet berlepas sertai Sukan Para ASEAN Ke-13

**BERAKAS**, Jumaat, 16 Januari. - Sukan Para ASEAN Ke-13 2025 dijadual berlangsung secara rasminya mulai 20 hingga 26 Januari 2026 di Nakhon Ratchasima, Thailand.

Sehubungan itu, seramai 21 orang Ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD)

terdiri daripada 12 orang atlet dan sembilan orang pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urus Setia / Safeguarding, Fisioterapi, Jurulatih dan Penolong Jurulatih berlepas ke Thailand hari ini bagi menyertai kejohanan tersebut.

Hadir di Lapangan Terbang



**PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar.**

Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan seterusnya memberikan kata-kata nasihat ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly serta pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan, Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan dan keluarga kontinjen.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Shahram bin Haji Abd. Rahman dan diteruskan dengan sesi bergambar ramai sebelum mereka berlepas.

NBD dalam temasya Sukan Para ASEAN Ke-13 ini akan menyertai tiga acara sukan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

daripada 19 sukan yang dipertandingkan iaitu olahraga, renang dan tenis boling.

Sementara itu, Chef de Mission, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abd. Ghafor ketika ditemui menjelaskan, para atlet membuat persiapan selama hampir setahun dan pada kali ini, lapan atlet menyertai sukan olahraga, tiga atlet mewakili tenis boling dan seorang atlet dalam sukan renang.

Melihat akan kebolehan para atlet, beliau berharap para atlet akan membawa pulang beberapa pingat seperti Sukan-sukan Para ASEAN sebelum ini insyaaAllah.

## Tahukah Awda

**B**IRO Mencegah Rasuah (BMR) ditubuhkan pada 1 Februari 1982 oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981. Pada tahun 1984, berikutan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam (NBD), undang-undang NBD telah disemak semula dan Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981 sekarang dikenali sebagai Akta Pencegahan Rasuah (Penggag 131). Sejak penubuhannya, BMR telah menggunakan dan memperkenalkan langkah-langkah dan pendekatan di dalam usaha untuk mencegah rasuah dan juga meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya rasuah. Antara program-program yang dikendalikan ialah ceramah, dialog, promo-promo televisyen dan pendedaran risalah.

**SUMBER :** Melayu Islam Beraja dalam Membanteras Rasuah.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

DOA MERUPAKAN IBADAH YANG DIPERINTAHKAN OLEH ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA